

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2020

HARI SELASA : 14 JULAI 2020

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

(SOALAN NO. 8 HINGGA NO. 64)

[SOALAN NO 8 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO 61]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak yang terkini. Adakah Kerajaan akan meneruskan kaedah pembinaan seperti yang dipersetujui oleh Kerajaan PH dan adakah syarikat Lebuh Raya Borneo Utara masih terlibat dengan projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah dan Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sabah dan Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner Agreement – PDPA). Sehingga bulan Jun 2020, status kemajuan terkini adalah 32% bagi 52% masing-masing bagi projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah dan Sarawak.

Kerajaan Pakatan Nasional akan tetap menghormati keputusan Kerajaan terdahulu untuk mengubah kaedah pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah dan Sarawak. Berikutan itu usaha-usaha penambahbaikan berterusan ke atas kaedah pelaksanaan yang telah diputuskan sedang dilaksanakan bagi mengatasi kekangan-kekangan yang telah dikenalpasti. Langkah-langkah tersebut adalah perlu bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah dan Sarawak sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perancangan ekonomi, infrastruktur dan sosial dalam Parlimen Cameron Highlands bagi masyarakat Orang Asli untuk tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli, JAKOA meneruskan strategi dalam Pelan Strategik JAKOA 2016-2020 menerusi Teras 4 Pembangunan Ekonomi Mampan. Bagi tahun 2020 di Cameron Highlands, JAKOA telah merancang program ekonomi dengan pemberian bantuan melalui Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA) sedia ada di Pos Lenjang Fasa 2, Pos Sinderut Fasa 2, Pos Sinderut Fasa 3 dan Pos Sinderut Fasa 4 dengan jumlah keluasan keseluruhan 608.2 hektar yang melibatkan 501 peserta.

Melihat kejayaan menerusi Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA), JAKOA menambah empat (4) lagi projek baharu PLMOA pada tahun 2020 di Pos Simoi, Pos Sinderut, Pos Lenjang dan Prosdet Pantos dengan jumlah keluasan 169.20 yang melibatkan 141 peserta. JAKOA juga sedang merancang kerjasama dengan rakan sinergi iaitu MARDI untuk membangunkan projek pertanian di Cameron Highlands pada tahun ini.

NO. SOALAN : 9

Seterusnya melalui JAKOA juga, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai projek di perkampungan Orang Asli bagi menyelesaikan isu infrastruktur asas seperti jalan, elektrik, sumber air bersih dan perumahan bagi masyarakat Orang Asli khususnya di kawasan Parlimen Cameron Highlands.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2020 sebanyak 7 projek infrastruktur dan ameniti sosial akan dilaksanakan di parlimen Cameron Highlands yang memberi manfaat kepada seramai 855 penduduk.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan mengenai sistem penjara Malaysia. Negara-negara lain mencuba pendekatan baru seperti pemulihan (*rehabilitation*) daripada hukuman (*punishment*) bagi jenayah-jenayah yang bukan serius. Pendekatan ini mungkin lebih efektif dalam memastikan penjenayah dapat diterima semula dalam masyarakat, sekali gus mengurangkan kos Kerajaan. Apakah rancangan Kementerian dalam hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan program pemulihan ke atas banduan sama ada ianya dilaksanakan di dalam penjara atau di luar penjara. Kaedah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah selaras dengan dasar pentadbiran sepertimana prinsip yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

NO. SOALAN : 10

Kementerian serta Jabatan Penjara Malaysia juga sedang dalam usaha memperkenalkan hukuman di luar tembok penjara iaitu *Probation & Community Correction* (pemulihan dalam komuniti) sebagai salah satu kaedah alternatif. Melalui kajian yang dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia, kaedah ini didapati membantu proses koreksional banduan di dalam komuniti dan pada masa yang sama ia mengurangkan bebanan perbelanjaan tahunan Kerajaan.

Antara hukuman di luar tembok penjara di bawah program *Probation & Community Correction* adalah melaksanakan pemerksaan hukuman sedia ada iaitu Akta Kehadiran Wajib dan Penangguhan Hukuman (*Deferred Sentences*). Selain itu, dicadangkan juga hukuman baharu yang memerlukan penggubalan undang-undang iaitu Hukuman Tahanan Rumah (*home detention*), Hukuman Parol atas arahan Mahkamah dan Hukuman Parol Harian bagi pesalah yang layak Parol (*Day Parole*). Jabatan Penjara Malaysia berhasrat agar 2/3 banduan sabitan yang layak dapat menjalani hukuman di luar tembok penjara dan juga mengurangkan beban kewangan Kerajaan menjelang tahun 2030.

Berasaskan pelaksanaan *community-based correction* (pemulihan dalam komuniti) yang sedia ada iaitu Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Program Pemulihan Pemasyarakatan Industri telah menunjukkan pencapaian yang amat menggalakkan dari segi keberkesanan pemulihan, asimilasi ke dalam masyarakat, penyediaan peluang latihan dan pekerjaan serta mengurangkan kos pengurusan. Semenjak Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Program Pemulihan Pemasyarakatan Industri dimulakan sejumlah lebih dari 36,000 banduan atau pesalah telah terlibat dan kadar residivis di bawah dari 0.5%. Melalui program sebegini kos harian dan pengurusan ditanggung oleh banduan serta majikan yang terlibat dengan kawalan yang minima oleh Jabatan. Bagi pelaksanaan Sistem Parol sahaja semenjak dilaksanakan mulai tahun 2008 sehingga tahun 2017 dianggarkan sistem ini telah membantu penjimatan kos pengurusan Jabatan Penjara Malaysia sebanyak RM 61,434,450.00. Malah, pelaksanaan Sistem Parol telah diperkemaskan melalui Program *Smart Internship* dengan kerjasama dan sokongan dari syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLC).

NO. SOALAN : 10

Tambahan juga, Jabatan Penjara Malaysia kini telah bersiap sedia untuk melaksanakan program Pembebasan Banduan Secara Berlesen (PBSL) sebagai salah satu kaedah alternatif dibawah *community-based correction* (pemulihan dalam komuniti), yang melibatkan banduan yang telah menjalani hukuman kurang dari satu tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Penjara Malaysia turut memperkasakan program pemulihan di dalam penjara dalam aspek membina semula masa depan banduan agar mereka insaf, pulih, berkemahiran, mampu berdikari serta tidak mengulangi kesilapan setelah dibebaskan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan dalam menjayakan usaha ini adalah:

- i. Menggalakkan pembelajaran akademik kepada banduan untuk peringkat persekolahan dan pengajian tinggi. Pada masa kini terdapat seramai **2,081** penghuni penjara mengikuti pembelajaran akademik dan **39** daripada mereka adalah di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah.
- ii. Latihan secara tidak bersijil dan bersijil di bengkel-bengkel perusahaan, akaun amanah dan usaha sama. Pada ketika ini terdapat seramai **8,393** penghuni sedang mengikuti latihan kemahiran di 385 bengkel perusahaan, akaun amanah dan usaha sama. Semenjak tahun 2012 hingga Disember 2019, seramai **19,885** penghuni telah didaftarkan untuk mengikuti program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan seramai **15,730** penghuni telah berjaya menerima sijil kemahiran tersebut dengan kerjasama dari Kementerian Sumber Manusia;
- iii. Latihan kemahiran secara bersijil juga ditawarkan kepada penghuni dalam bentuk latihan pekerjaan dengan beberapa syarikat swasta yang akan mengambil banduan berkenaan untuk bekerja setelah dibebaskan. Pada tahun 2020 seramai **75** banduan telah didaftarkan dan sedang mengikuti program ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan Projek Bekalan Air kawasan Lubok Nibong Marudi setakat ini. Bilakah projek ini akan siap dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat satu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang sedang dilaksanakan di kawasan Lubok Nibong Marudi iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar Kawasan Marudi, Bahagian Miri, Sarawak. Projek ini telah bermula semenjak bulan Mac 2019 dan dijangka siap pada bulan September 2020. Status pelaksanaan projek sehingga 25 Jun 2020 adalah sebanyak 56% berbanding jadual sebanyak 58%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BT. SURIP (MERBOK)

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan** pelan holistik untuk memerangi masalah kebanjiran pendatang asing tanpa izin dan apakah faktor utama yang membolehkan pendatang tanpa izin boleh masuk dan bertapak di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius berkenaan masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini yang memerlukan strategi pambanterasan secara berterusan. Justeru, sebagai langkah memperkukuh tadbir urus dan menambah baik sistem kerja penguatkuasaan sedia ada, KDN sedang memperhalusi pelan strategik penguatkuasaan PATI yang lebih komprehensif dan menyeluruh.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun ini merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi permasalahan kebanjiran PATI di negara ini dengan melibatkan kerjasama secara strategik di antara pelbagai Kementerian dan Agensi. Objektif pelan ini adalah mewujudkan satu

NO. SOALAN : 12

ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui pendekatan mendaya upaya agensi penguat kuasa dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini akan menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima (5) strategi atau fokus utama iaitu:-

- (i) **Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasan dasar berkaitan penguatkuasaan PATI;
- (ii) **Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk** yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara;
- (iii) **Strategi Pengurusan Pekerja Asing** yang menggariskan pelan penyelarasan dasar berkaitan pekerja asing;
- (iv) **Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara; dan
- (v) **Strategi Media dan Publisiti** yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan PATI.

Strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi-agensi yang terlibat dan dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam terutamanya pasukan penguatkuasaan.

NO. SOALAN : 12

Sehubungan itu, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan kerjasama agensi penguatkuasa lain terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) akan terus menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan warganegara asing. JIM juga akan turut melibatkan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) / Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.

Tuan Yang Di Pertua,

Kemasukan PATI ke negara ini berpunca daripada beberapa faktor yang dikenalpasti, antaranya adalah seperti berikut:

- (i) kestabilan ekonomi negara yang menarik PATI untuk mendapatkan peluang pekerjaan di Malaysia;
- (ii) kestabilan politik negara yang memberikan impak kepada keharmonian dan kemakmuran negara seterusnya mewujudkan ekosistem kehidupan yang kondusif bagi masyarakat tempatan dan warga asing; dan
- (iii) kecenderungan warga asing untuk tinggal melebihi tempoh masa yang dibenarkan berdasarkan syarat-syarat pas atau permit dan menyalahgunakan pas bagi tujuan yang berkepentingan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 14.7.2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD. SHARIF [JEMPOL] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan : -

- (a) kaedah pemantauan yang dibuat terhadap peniaga atas talian di medium media sosial yang gagal mempamerkan harga barangan serta perkhidmatan; dan
- (b) Statistik terkini peniaga atas talian yang telah diambil tindakan akibat kesalahan tersebut mengikut pecahan medium media sosial.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Bahagian Penguat Kuasa sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas pengendali pasar dalam talian untuk memastikan pematuhan kepada peruntukan perundangan yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP. Sehubungan itu, kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Menjalankan pemantauan ke atas pengendali pasar dalam talian supaya mematuhi peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Pengendali pasar dalam talian diwajibkan untuk memaparkan di laman web mereka maklumat-maklumat seperti berikut:
 - a) Nama individu/perniagaan/syarikat;
 - b) Nombor pendaftaran perniagaan/syarikat;
 - c) Alamat Emel dan no.telefon atau alamat peniaga melalui tapak web atau pasar dalam talian;
 - d) Perihal tentang ciri utama barang dan perkhidmatan itu;
 - e) Harga penuh barang atau perkhidmatan, termasuklah kos pengangkutan, cukai dan apa-apa kos lain;
 - f) Kaedah pembayaran;
 - g) Terma-terma dan syarat-syarat; dan
 - h) Anggaran masa penghantaran barang atau perkhidmatan kepada pembeli.
- ii. Menjalankan pemeriksaan di premis pengendali pasar dalam talian supaya mereka mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan seperti mempamerkan harga barangan atau perkhidmatan, penyimpanan dan penyenggaraan rekod nama, nombor telefon dan alamat peniaga *online* yang berniaga di platform mereka untuk tempoh dua (2) tahun;

- iii. Menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menghalang akses laman web (*site blocking*) atau penurunan kandungan (*content removal*) menggunakan peruntukan di bawah Seksyen 263(2) Akta Komunikasi & Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi mana-mana laman sesawang perniagaan yang tidak beretika. Dari Januari sehingga Jun 2020, sebanyak 571 penurunan kandungan dan halangan akses terhadap penjual telah dilakukan oleh pihak Kementerian;
- iv. Berkerjasama dengan Pembekal Internet (ISP) dan Syarikat Telekomunikasi (Telcos) bagi mendapatkan maklumat pemilik laman sesawang atau pemilik talian komunikasi yang terlibat dengan penipuan pasar dalam talian; dan
- v. Berkerjasama dengan pengendali tapak pasar dalam talian untuk memberikan pemakluman atau notis amaran di dalam tapak pasar dalam talian mereka untuk memperingatkan pengguna supaya berhati-hati semasa menjalankan pembelian melalui pasar dalam talian.

Sekiranya mana-mana peniaga atas talian gagal mematuhi Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2012 semasa menawarkan barangan atau perkhidmatan di laman sosial, pengguna boleh melaporkan kepada Kementerian melalui saluran seperti berikut:

- a) Portal e-Aduan : <http://www.eaduan.kpdnhep.gov.my>
- b) Talian Hotline : 1-800-886-800
- c) Hadir sendiri ke pejabat KPDNHEP yang berhampiran
- d) Media sosial melalui Twitter dan Facebook KPDNHEP
- e) Emel di alamat e.aduan@kpdnhep.gov.my
- f) Aplikasi telefon pintar : Ez Adu KPDNHEP
- g) Surat rasmi kepada KPDNHEP
- h) Pusat Arahan Penguatkuasaan (Enforcement Command Centre)
- i) Aplikasi Whatsapp : 019-279 4317

Yang di-Pertua,

Media sosial merupakan salah satu medium urus niaga perdagangan eletronik. Sepanjang tahun 2016 hingga 2020, Kementerian telah menerima 228 aduan yang melibatkan salah laku urusniaga perdagangan eletronik melalui pelbagai platform medium elektronik.

Hasil daripada aduan tersebut, sejumlah 25 tindakan kes telah diambil di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 seperti berikut ;

- i. Seksyen 13 : Pengiklanan Umpanan – 1 kes
- ii. Seksyen 16 : Menuntut atau menyetujui terima barang tanpa niat untuk membekalkan -19 kes
- iii. Seksyen 140 : Resit – 1 kes
- iv. Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 – 4 kes

Sekiranya terdapat aduan berkenaan kegagalan peniaga atas talian yang diterima oleh Kementerian, aduan-aduan tersebut akan diteliti untuk dikenalpasti sama ada berlaku kesalahan di bawah bidang kuasa yang dinyatakan untuk diambil tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LARRY SOON @
LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]

TARIKH : 14 JULAI 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina 108 **balai bomba** kategori E di negeri Sarawak seperti yang dinyatakan oleh Kajian Risiko Kebakaran yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Kajian *Fire Cover* sehingga tahun 2020, keperluan Balai Bomba Kategori E untuk jangka masa panjang di Negeri Sarawak adalah sebanyak 108 buah balai.
2. Setakat ini, belum ada sebarang pembinaan melibatkan Balai Bomba Kategori E tetapi pada tahun hadapan (2021) *Rolling Plan 1* (RP1) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah memohon sebanyak 2 projek iaitu di Sungai Asap dan Lubok Antu.
3. Baki selebihnya bagi pembinaan Balai Bomba Kategori E ini akan diteruskan dan permohonan secara berperingkat akan dibuat mengikut keutamaan serta bergantung kepada peruntukan kewangan dan kelulusan daripada pihak Kerajaan.
4. Di samping pembinaan balai bomba, penubuhan Bomba Komuniti yang bertindak sebagai *first responder* juga sesuai dan praktikal untuk menangani keadaan-keadaan kecemasan tertentu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
KAWASAN : SIPITANG
TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN NO.15

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai status pembinaan jalan raya menuju Sipitang-Long Pasia yang merupakan satu destinasi baharu kunjungan pelancongan dengan anggaran purata 5,000 pelancong setahun melawat kawasan tanah tinggi itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jajaran jalan dari Sipitang ke Long Pasia adalah merupakan sebahagian daripada Projek Trans Borneo Highway yang akan menghubungkan Negara Brunei Darussalam, Indonesia dengan negeri-negeri Sarawak dan Sabah di Malaysia. Status dan jajaran jalan tersebut terdiri daripada 5 segmen jajaran seperti berikut:

- 1) Sebahagian Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1 (Pakej 1) dari Sipitang ke Sindumin. Status terkini projek ini adalah dalam pembinaan dengan kemajuan 39%;
- 2) Sebahagian Lebuhraya Pan Borneo Sarawak Fasa 2 dari Miri ke Sindumin (melalui Brunei Darussalam) yang masih dalam peringkat perancangan;
- 3) Sebahagian Sarawak - Sabah Link Road Pakej 1 dari Lawas ke Kampung Pa' Berunut yang masih dalam peringkat reka bentuk;
- 4) Sarawak – Sabah Link Road (Spur Road) Pakej 3 dari Long Lopeng ke Long Semado yang masih dalam peringkat perancangan; dan
- 5) Sebahagian Lebuhraya Trans Borneo missing link (pakej 2) dari Long Semado ke Long Pasia yang masih dalam peringkat perancangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan impak COVID-19 terhadap usahawan desa dan inisiatif Kementerian untuk membantu usahawan desa meneruskan perniagaan mereka melalui platform dalam talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, impak Pandemik Covid-19 memberi kesan kepada sosio ekonomi seluruh dunia termasuk negara kita, Malaysia. Kesan langsung kepada usahawan luar bandar adalah kerana perniagaan secara fizikal perlu diberhentikan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 di seluruh negara. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memberi perhatian serius kesan yang dihadapi oleh usahawan luar bandar ini dan menggunakan platform dalam talian (*online*) bagi membantu mereka melalui dua pendekatan.

Pertama adalah dengan memberi sokongan dan menyampaikan maklumat bagi meneruskan perniagaan dengan kaedah baharu yang dapat dilaksanakan dalam menghadapi wabak Covid-19. KPLB telah mengadakan program *FB Live Outreach Usahawan@KPLB* secara atas talian bermula pada 23 April sehingga 8 Mei 2020. Program yang dilaksanakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini melibatkan perkongsian pengalaman dan *tips* perniagaan dari usahawan berjaya serta wakil agensi kerajaan yang memberi panduan mengikut skop bidang tugas agensi masing-masing.

NO. SOALAN :16

Sehingga Jun 2020, video-video program ini telah mencapai hampir 56,000 tontonan di akaun Facebook Kementerian. MARA pula telah menyediakan 3 kategori program latihan keusahawanan secara atas talian iaitu *FB Live Talk*, *Biznetwork* dan *Webinar*. Program *FB Live Talk* dan *Biznetwork* telah mencapai angka 494,300 tontonan setakat Jun 2020. Manakala untuk kursus melalui *Webinar*, sebanyak 15 kursus telah diadakan dengan jumlah peserta adalah seramai 300 orang untuk setiap sesi.

Pendekatan yang kedua, KPLB membantu usahawan untuk meningkatkan pemasaran produk secara dalam talian. Kementerian telah melaksana inisiatif perkongsian strategik dengan pelbagai pihak melalui platform *Desamall@KPLB*. Program ini membantu usahawan luar bandar memasarkan produk mereka secara *online* melalui platform e-Dagang seperti Lazada, Shopee, eBay, PrestoMall dan GrabMart. Sehingga Jun 2020, seramai 1,407 usahawan luar bandar telah dilatih di bawah program *DesaMall@KPLB*.

Seterusnya, Kementerian juga akan menganjurkan Karnival Usahawan Desa secara dalam talian (*online*) atau e-KUD bagi mengalakkan para usahawan luar bandar agar menyertai platform *Desamall@KPLB* dan mewujudkan kesedaran pembeli berkenaan produk usahawan luar bandar yang sebenarnya boleh dibeli secara dalam talian. Program ini menyasarkan seramai 2,000 usahawan dapat memasarkan produk mereka melalui platform tersebut. Pelbagai aktiviti promosi akan dilakukan untuk menarik minat para pembeli dan seterusnya meningkatkan jumlah jualan para usahawan.

Usaha-usaha ini turut dilakukan oleh RISDA, FELCRA dan agensi seperti KETENGAH untuk menangani impak COVID-19 terhadap usahawan bimbingan yang terpaksa menghentikan aktiviti perniagaan secara fizikal. Pelbagai inisiatif diambil supaya usahawan dapat melaksanakan pemasaran *online* sebagai salah satu norma baharu masyarakat pada hari ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN B. YAAKUB
(MACHANG)**

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan** adakah Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan dasar baharu terhadap pengambilan pekerja asing dalam usaha menghapuskan Pendatang Tanpa Izin (PATI) dan berapa jumlah PATI yang berada di dalam negara yang telah dikesan oleh pihak berkuasa setakat Jun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penelitian semula dasar pengambilan pekerja asing di Malaysia akan diperhalusi oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan mengambil kira kepentingan untuk mengutamakan peluang pekerjaan kepada warganegara Malaysia yang menjadi asas pemberian pekerjaan di mana-mana sektor di negara ini.

Selain itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) komited untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan seiring dengan dasar pengurangan pekerja asing dengan membanteras pekerja asing tidak sah termasuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini. Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa menjalankan operasi-penguatkuasaan yang melibatkan perkongsian sumber dan maklumat risikan bagi menangani isu PATI. JIM mencatatkan pelaksanaan sebanyak 62,247 operasi dengan tangkapan seramai 209,105 orang PATI dan 5,734 orang majikan pada tahun 2016 hingga 2 Julai 2020.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk melindungi sungai-sungai kita daripada pencemaran akibat pembuangan haram sampah sarap serta sisa pepejal dan juga air kumbahan yang tidak dirawat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kawalan dan penguatkuasaan di peringkat punca adalah amat penting bagi menangani masalah pencemaran sungai. Kawalan dan penguatkuasaan ini adalah di bawah bidangkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) manakala Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi operasi/kilang/projek pembangunan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Untuk makluman Yang Berhormat,

2. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu

(*Integrated River Basin Management - IRBM*). Ia merupakan kaedah terbaik yang memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi mencapai objektif iaitu memastikan air mencukupi, memastikan air bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar. Melalui pelan IRBM ini, Kementerian telah menyediakan perancangan dan pembangunan lembangan untuk rujukan Kerajaan Negeri dalam sesuatu pembangunan agar tidak mengancam kelestarian alam sekitar.

3. Dalam usaha memulihara sungai, perlu untuk kita mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai dan impak yang bakal dihadapi sekiranya pencemaran sungai terus berlaku.

4. Selain daripada peranan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, KASA berpandangan pihak-pihak berkepentingan lain juga boleh terlibat dalam usaha memelihara dan memulihara kualiti air sungai. Contohnya adalah dengan memperkenalkan program sukarela *river rehabilitation* bersama pihak NGO, persatuan masyarakat yang berada di lembangan sungai berkenaan, entiti komersial dan lain-lain supaya dapat mewujudkan `sense of belonging` terhadap sungai di kawasan mereka.

5. Bagi usaha mengawal pelbagai kumbahan dan kumbahan bukan najis, pelbagai inisiatif Kementerian dalam memastikan air kumbahan dirawat dengan sempurna sebelum dilepaskan ke sungai, antaranya:

- i. pembinaan loji rawatan kumbahan berpusat dan merasionalisasikan loji-loji kecil yang usang dan tidak efektif yang menjadi punca kepada pencemaran;
- ii. menaik taraf loji-loji rawatan kumbahan sedia ada bagi mencapai tahap efluen yang mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS);
- iii. meningkatkan liputan perkhidmatan pembedahan melalui projek-projek pembinaan rangkaian paip pembedahan bagi

NO. SOALAN : 18

memastikan lebih banyak air kumbahan dapat dikumpul dan dirawat di loji rawatan kumbahan sebelum dilepaskan ke sungai;

- iv. memberi kesedaran kepada pemilik Tangki Septik Individu (*Individual Septic Tank – IST*) dan juga Tangki Septik Komunal (*Communal Septic Tank – CST*) yang tidak dikosongkan mengikut jadual yang mana menjadi punca sungai-sungai tercemar. Oleh itu kedua-dua sistem ini perlu dikosongkan 2 tahun sekali. Pemilik atau penghuni premis IST perlu memberi kerjasama untuk memastikan Indah Water Konsortium (IWK) dapat memberikan khidmat pengosongan IST; dan
- v. perkhidmatan pengosongan sistem lemak, minyak dan gris (FOG) oleh IWK kepada pemilik premis makanan, pengusaha restoran dan kedai makan serta operator medan selera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS
@ TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini proses naik taraf Jalan Dandulit dan apakah status permohonan penurapan sambungan ke Kampung Kuala Gum-Gum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Dandulit Ke Kg. Banting, Sandakan, Sabah telah diluluskan dengan kos sebanyak RM14.5 juta. Status terkini projek adalah di peringkat pelaksanaan dengan status terkini 45.31%. Projek ini dijangka siap pada 9 Jun 2021.

Manakala bagi Projek Jalan Semawang Ke Tanjung Kuala Gum-Gum, Sandakan, Sabah, projek ini telah diluluskan dengan kos sebanyak RM236.7 juta. Status terkini projek adalah dalam penyediaan dokumen tender dan dijangka tender pada Ogos 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[LUMUT]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah peranan koperasi dalam membantu pemulihan ekonomi pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyedari bahawa gerakan koperasi turut terjejas berikutan penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020. Kajian oleh SKM berkaitan impak penularan wabak Covid-19 **kepada perniagaan koperasi memperlihatkan peratusan terbesar responden koperasi seluruh negara mengalami kemerosotan prestasi operasi perniagaan sebanyak 32%**. Justeru, Kementerian telah mengambil inisiatif menerusi Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi bagi memastikan momentum perniagaan koperasi kembali stabil dalam jangka masa setahun dan membantu sektor koperasi untuk kekal bersaing di samping memainkan peranan memulihkan semula ekonomi negara pasca Covid-19. Kementerian menjangkakan menerusi Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi ini dapat membantu memulihkan aktiviti perniagaan koperasi dalam tempoh jangka pendek dan seterusnya dapat merancakkan semula ekonomi negara.

2. Bagi membantu gerakan koperasi yang terjejas, Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menyediakan pelbagai program/inisiatif seperti berikut:

- i. Program Geran Pemulihan Koperasi terjejas dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta di mana sehingga kini, sebanyak 4 koperasi telah berjaya dibantu;
- ii. Program Pembiayaan Ar-Rahnu dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta turut disediakan bagi membantu koperasi yang menjalankan perniagaan Ar-Rahnu dan telah dimanfaatkan oleh sebuah koperasi dengan pembiayaan bernilai RM900 ribu;
- iii. Program bantuan kecemasan yang melibatkan sebanyak 320 buah koperasi melalui peruntukan RM1juta;
- iv. Tabung Modal Pusingan (TMP-JPK)

- a. TMP-JPK tanpa cagaran yang menyediakan peruntukan sebanyak RM15 juta telah berjaya membantu sebanyak 45 koperasi terjejas dengan jumlah yang telah diluluskan bernilai RM2.21juta;
 - b. TMP-JPK dengan cagaran berjaya dimanfaatkan oleh 29 buah koperasi yang melibatkan jumlah RM38.1juta; dan
 - c. Permohonan penangguhan bayaran balik TMP-JPK bagi tempoh 6 bulan yang melibatkan jumlah sebanyak RM30juta daripada 202 buah koperasi; dan
- v. Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi dengan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi tahun 2020 yang berjaya dimanfaatkan oleh 40 buah koperasi di seluruh negara sehingga kini.

3. Selain dari itu, Kementerian menerusi Institut Koperasi Malaysia (IKM) turut menawarkan program bimbingan dan latihan semula kepada koperasi terjejas akibat Covid-19 yang telah dikenal pasti oleh SKM. Program ini ditawarkan bagi membantu peningkatan pendapatan dan kesejahteraan koperasi selain meningkatkan tahap profesionalisme dan pengurusan koperasi.

4. Kementerian menerusi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) akan terus mengiktiraf sumbangan gerakan koperasi kerana gerakan ini dilihat sebagai pendekatan yang baik bagi merangsang pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Kementerian juga dalam proses membangunkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (2021-2025) bertujuan untuk memperkasakan lagi gerakan koperasi di Malaysia sebagai pemangkin (*catalyst*) kepada pertumbuhan sosio ekonomi negara yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan. Kementerian percaya dengan pelbagai inisiatif yang diambil akan membantu gerakan koperasi dapat memainkan peranan yang lebih besar untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 14.07.2020 (SELASA)

SOALAN

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR [TANJONG KARANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah faktor penghalang pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) yang sepatutnya dijadualkan dilaksanakan pada Januari lalu dan apakah jaminan Kerajaan bahawa kenaikan harga barang tidak akan berlaku sekiranya program ini dilaksanakan kelak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Tiada faktor yang menghalang Kementerian untuk melaksanakan Program Subsidi Petrol (PSP). Walaubagaimanapun, kerajaan pada 18 Disember 2019 telah memutuskan supaya PSP tidak dimulakan pada Januari 2020 setelah mengambil kira sentimen rakyat pada masa tersebut.

KPDNHEP telah diminta untuk mempergiatkan strategi komunikasi untuk menyediakan pemikiran rakyat sebelum pelaksanaan PSP. Disamping itu, penularan pandemik Covid-19 dan penurunan harga minyak mentah dunia telah menyebabkan harga petrol turun di bawah RM 2.08 seliter iaitu aras yang ditetapkan untuk pelaksanaan PSP.

Bagi memastikan harga barangan tidak meningkat sekiranya PSP dilaksanakan, Kementerian akan terus melaksanakan pemantauan dan meningkatkan penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN DR. MASZLEE B. MALIK (SIMPANG
RENGGAM)**

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan** status permohonan menaik taraf Balai Polis
Simpang Renggam kepada IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) susulan berlaku
pertambahan penduduk ketara sejak beberapa tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Balai Polis Simpang Renggam telah beroperasi sejak tahun 1938 di tapak seluas 2.00 ekar. Balai ini pernah dinaiktaraf dari segi kemudahan bangunan dan telah dirasmikan pada 22 April 1975. Balai ini hanya mempunyai sebuah bangunan Balai Polis dan 12 unit perumahan. Pada masa ini, Balai Polis ini beroperasi dengan 28 orang perjawatan yang diketuai oleh Ketua Polis Balai berpangkat Sarjan Mejar.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa keperluan menaiktaraf sesuatu fasiliti Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk Balai Polis demi menjamin keselesaan dan keselamatan rakyat. Dari segi logistik dan fasiliti, KDN dan PDRM memberikan keutamaan kepada kerja-kerja pembaikan dan naik taraf premis PDRM yang uzur dan lebih mendesak. Oleh yang demikian, bagi Balai Polis Simpang Renggam, KDN berpandangan bahawa Balai Polis ini masih boleh menjalankan fungsi dengan baik melalui struktur sedia ada di bawah bidang kuasa Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
(SIBUTI)**

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat kajian dan analisis dibuat bagi masalah ketagihan semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan adakah berlaku peningkatan pengedaran dadah di pasaran meningkat selepas tempoh PKP.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri amat serius dalam usaha menangani isu penyalahgunaan dan pengedaran dadah di negara kita walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sejak 18 Mac 2020, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka sebanyak 23,295 kes dan membuat 29,432 tangkapan bagi pelbagai kesalahan berkaitan dadah. Sebanyak 103,257.04 kg dan 30,990.76 liter dadah juga telah dirampas dalam tempoh tersebut. Jumlah ini meningkat sebanyak 123% dan 22% jika dibandingkan dengan jumlah rampasan bagi tempoh yang sama pada tahun 2019.

Dalam memantau masalah penagihan dalam tempoh PKP tersebut, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menjalankan dua kajian tinjauan bagi melihat kesan pelaksanaan PKP kepada Orang Kena

Pengawasan (OKP) dan juga persepsi ahli masyarakat terhadap isu dadah semasa PKP. Kajian ini telah dijalankan menggunakan platform google form bermula dari 15 sehingga 25 April 2020 yang mendapat respons 2,751 orang ahli masyarakat serta 2,238 OKP dari seluruh negara.

Kajian tersebut telah mendapati bahawa 50% daripada keseluruhan OKP mempunyai kecenderungan untuk relaps pada kadar yang rendah, 48% berada pada tahap sederhana dan hanya 2% mempunyai tahap kecenderungan yang tinggi untuk relaps semasa tempoh PKP.

Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa pelaksanaan PKP telah memberi kesan terhadap OKP dari aspek pekerjaan, sumber pendapatan dan keperluan asas seperti berikut :

- i. hanya 38.5% OKP bekerja semasa tempoh PKP manakala 61.5% tidak bekerja;
- ii. sebanyak 50.5% OKP menyatakan mereka tiada sumber pendapatan dalam tempoh PKP manakala yang selebihnya menyatakan bergantung kepada ibu bapa, keluarga, bantuan Kerajaan dan bantuan Badan-badan Bukan Kerajaan setempat. Daripada jumlah tersebut, 74.4% OKP menyatakan PKP menjejaskan sumber pendapatan mereka; dan
- iii. sebanyak 69.1% OKP menyatakan bahawa PKP menyukarkan mereka mendapatkan keperluan asas.

Kementerian Dalam Negeri turut mengambil perhatian terhadap laporan-laporan yang dikeluarkan oleh *United Nations Office on Drugs and Crime* yang menyatakan bahawa semua negara perlu memantau perubahan dalam pasaran dadah berikutan pandemik COVID-19. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri, PDRM dan AADK akan sentiasa melaksanakan pemantauan terhadap perubahan modus operandi serta perubahan-perubahan dari segi trend pengedaran dan penagihan dadah dan selanjutnya melaksanakan tindakan berfokus untuk menangani perubahan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mewujudkan lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi menghasilkan impak positif dalam membasmi kemiskinan tegar di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sedang giat untuk melahirkan usahawan secara inklusif selaras dengan aspirasi yang terkandung dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) iaitu Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik dengan memberi sokongan ke arah menyediakan pelbagai program keusahawanan dalam kalangan Bumiputera, kumpulan fokus khas dan golongan terpinggir termasuk B40 dan miskin tegar di luar bandar.

2. Program-program yang dilaksanakan oleh MEDAC untuk mewujudkan lebih banyak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di luar bandar ialah:

- i. **Program Agri Coaching & Industry Development Programme (ACID)** yang dilaksanakan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) merupakan program baharu bagi membantu golongan usahawan B40 luar bandar. Program ini merupakan galakan keusahawanan dalam bidang tanaman fertigasi yang mensasarkan seramai 140 usahawan baharu yang bakal menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 – RM10,000 sebulan dan mampu keluar dari golongan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Bagi tahun 2020, program ini dilaksanakan secara rintis dengan peruntukan sebanyak RM10 juta melibatkan dua (2) buah negeri iaitu Sarawak dan Kedah. Sehingga Julai 2020, MEDAC telah menerima sejumlah 470 permohonan untuk menyertai program berkenaan.

- ii. **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia** merupakan inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan golongan muda Bumiputera khususnya di luar bandar bagi menceburi bidang perniagaan. Bagi pelaksanaan tahun 2020-2021, program ini dijangka akan melahirkan sekurang-kurangnya 900 usahawan baharu dan mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan baharu.

Sejak program ini dilaksanakan pada 2014 sehingga 2020, seramai 5,001 orang usahawan muda Bumiputera telah menyertai program ini dengan 4,936 daripada mereka telah mendaftarkan perniagaan dan memulakan operasi perniagaan. Sehingga kini, melalui perniagaan yang dijalankan, mereka telah berjaya mencatatkan jualan terkumpul berjumlah RM126.7 juta dan mewujudkan 10,540 jumlah pekerjaan. Pada tahun 2020, Program TUBE sedang dijalankan secara dalam talian dan mensasarkan penyertaan seramai 1,000 orang peserta.

- iii. **Program Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia** bermula pada tahun 2019 dengan menggunakan model Program TUBE khusus untuk

membantu golongan asnaf mencapai kelangsungan hidup melalui aktiviti keusahawanan. Seramai 82 orang peserta berjaya menamatkan latihan pada tahun tersebut. Pada tahun 2020, Program TUB mensasarkan penyertaan seramai 50 orang peserta.

- iv. **Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)** yang dilaksanakan sejak 2001 bermatlamat untuk menggalakkan penglibatan dan pembangunan usahawan Bumiputera di samping memajukan sektor-sektor ekonomi yang berpotensi di luar bandar. Skim pembiayaan ini ialah program kerjasama antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan dua (2) agensi pelaksana di bawah MEDAC iaitu **Bank Rakyat dan SME Bank**.

Sehingga kini, SPED telah memberi manfaat kepada 4,084 usahawan luar bandar dengan nilai pembiayaan sebanyak RM424 juta.

- v. **Kedai Desa** iaitu **program kerjasama UDA Holdings dengan Pejabat Daerah dan Majlis Daerah** bertujuan untuk meningkatkan pendapatan komuniti di luar bandar. Program ini menyediakan premis-premis perniagaan supaya usahawan luar bandar dapat menjual dan memasarkan produk-produk PKS atau industri kampung. Sebanyak 112 unit telah dibangunkan di 15 buah daerah di seluruh Malaysia antaranya Jasin, Temerloh, Kemaman, Dungun, Taiping, Teluk Intan, Setiu, Jeli, Rompin, Kuala Terengganu, Perak Tengah, Mersing, Kluang, Batu Pahat dan Kuala Pilah. Anggaran kos perbelanjaan untuk projek ini ialah RM30 juta melalui geran yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan.

- vi. **Pembangunan tanah wakaf** merupakan **program kerjasama antara UDA Holdings dengan Majlis Agama Islam Negeri** untuk mewujudkan lebih banyak PKS di luar bandar dengan pembangunan ruang-ruang komersil yang berpotensi untuk merancakkan sektor ekonomi di tapak wakaf tersebut. Terkini, projek tanah wakaf telah dijayakan di Kedah dan Perak dan

seterusnya dalam perancangan untuk diperluaskan ke negeri-negeri lain antaranya Terengganu, Sabah dan Sarawak.

vii. **Program-program berbentuk latihan dan pembangunan kapasiti** yang ditawarkan oleh agensi-agensi di bawah MEDAC seperti **Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM)** adalah terbuka kepada semua golongan. Namun, terdapat beberapa program latihan yang bersesuaian terutamanya untuk pembangunan kawasan luar bandar, iaitu:

- a. Kursus Asas Keusahawanan
- b. Kursus Asas Industri
- c. Fertigasi Tanaman Terpilih
- d. Ternakan Ikan Air Tawar
- e. Projek Tanaman Cendawan
- f. Pemprosesan Produk Daging
- g. Pengurusan Ladang Sawit Secara Berkesan
- h. Pengurusan Ternakan Kambing Pedaging
- i. Pengurusan Ternakan Ayam Kampung
- j. Projek Madu Kelulut

3. Kerajaan akan sentiasa menggalakkan penglibatan rakyat dalam bidang keusahawanan terutamanya kumpulan B40 ini kerana bidang keusahawanan akan menjadi satu platform terbaik untuk rakyat keluar daripada kepompong kemiskinan seterusnya meningkatkan taraf hidup dan ekonomi keluarga dan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah terkini Kementerian untuk mengatasi masalah pengangguran yang ketika ini mengikut statistik berada pada tahap 5 peratus dan dijangka akan meningkat sehingga 12 peratus pada hujung tahun 2020 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Umum mengetahui kesan pandemik COVID-19 telah mengubah lanskap ekonomi serta pasaran pekerjaan dunia. Malaysia tidak terkecuali daripada menerima impak tersebut yang mengganggu-gugat ekosistem penyaluran bakat negara.
2. Data terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa kadar pengangguran Malaysia meningkat kepada 5.0% pada April 2020 (berbanding 3.9% pada Mac 2020). Jumlah penganggur pada April 2020 meningkat 48.8% kepada 778,800 orang (berbanding 523,300 orang pada bulan sama tahun lalu). DOSM menganggarkan julat maksimum kadar pengangguran adalah dalam lingkungan 3.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun ini.

3. Antara sektor pekerjaan yang paling terjejas adalah sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dan tidak terkecuali golongan bekerja sendiri yang sebahagian besarnya terdiri daripada peniaga/pengusaha kecil-kecilan. Kumpulan pekerja ini terdedah kepada risiko kehilangan pekerjaan dan pendapatan berikutan PKP.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan menyedari bebanan yang dihadapi rakyat dan telah melaksanakan pakej-pakej rangsangan ekonomi seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan PRIHATIN PKS TAMBAHAN yang berjaya menyelamatkan lebih 2.4 juta pekerjaan, mengurangkan beban aliran tunai hampir 11 juta rakyat serta memberi sokongan kepada lebih 300 ribu syarikat. Sehingga 2 Jun 2020, DOSM mendapati bahawa lebih kurang 12.7 juta atau 83.5 peratus pekerja telah mula bekerja berbanding 10.2 juta atau 67.2 peratus pada 17 Mei 2020.

5. Antara langkah segera Kerajaan dalam menangani isu pengangguran akibat pandemik COVID-19 ini adalah memperkenalkan Program Subsidi Upah (PSU). Program ini bertujuan untuk membantu majikan dalam semua perusahaan yang terkesan daripada segi ekonomi akibat wabak COVID-19 supaya mereka dapat meneruskan operasi syarikat. Sehingga 30 Jun 2020 di bawah Program Subsidi Upah (PSU), hampir 38 peratus iaitu RM5.2 bilion daripada jumlah keseluruhan dana telah diagihkan kepada majikan yang layak oleh PERKESO. Pengagihan tersebut melibatkan 319 ribu majikan untuk 2.6 juta orang pekerja.

6. Antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah program Pengekalan Pekerjaan (ERP) melalui PERKESO. Sehingga 30 Jun 2020, seramai 322 ribu orang pekerja yang diberikan notis Cuti Tanpa Gaji telah mendapat manfaat dari Program Pengekalan Pekerjaan (ERP). Dana Kerajaan yang diperuntukan telah selesai diagihkan kepada pekerja yang terlibat di bawah Program ini. Kementerian juga telah mengecualikan pembayaran levi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) 2001 [Akta 612] bagi

semua 63 sub-sektor industri selama 6 bulan mulai 1 April 2020 dan penangguhan pembayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) selama 6 bulan kepada semua pelatih lepasan TVET.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Pada 5 Jun 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Menerusi PENJANA pula, Kementerian terlibat dalam pelaksanaan 5 inisiatif daripada 11 inisiatif memperkasakan rakyat melalui PERKESO dan PSMB iaitu:

- (i) Program Subsidi Upah;
- (ii) Menaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara;
- (iii) Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan;
- (iv) Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig; dan
- (v) Insentif Pengaturan Kerja Fleksibel

8. Kementerian telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020. Salah satu skim daripada inisiatif tersebut adalah *Place & Train* yang memberi jaminan penempatan pekerjaan setelah pelatih menamatkan latihan. Kumpulan sasar yang akan dilatih meliputi golongan graduan dan pelajar lepasan sekolah yang akan mengurangkan isu pengangguran dalam kalangan belia. Selain itu, bagi menyelesaikan isu pengangguran disebabkan oleh pandemik COVID-19, pekerja yang diberhentikan turut mendapat manfaat daripada skim ini. Dijangkakan seramai 40 ribu rakyat Malaysia akan beroleh manfaat dari inisiatif ini dan mempunyai peluang pekerjaan dalam tempoh masa 12 bulan.

9. Insentif Pengambilan Pekerja (Penjana Kerjaya) dilaksanakan melalui PERKESO yang bertujuan untuk membantu sektor perniagaan yang terjejas oleh kesan ekonomi COVID-19 dan pelaksanaan PKP.

10. PenjanaKerjaya mempromosikan penciptaan pekerjaan di kalangan majikan, sambil meningkatkan prospek pekerjaan di kalangan bakat Malaysia. Insentif pengambilan bertujuan untuk menyokong majikan dengan memberikan insentif kewangan untuk majikan yang mengupah bakat tempatan termasuk kumpulan kurang diwakili seperti

SOALAN NO : 25

Orang Kurang Upaya (OKU). Peruntukan untuk program latihan pengisian tenaga kerja atau peningkatan kemahiran juga disediakan untuk pekerja yang baru dilantik. Selain itu, insentif Mobiliti juga diberikan kepada pekerja yang harus berpindah untuk menerima pekerjaan yang ditawarkan.

11. Menerusi inisiatif PENJANA, PSU telah dilanjutkan selama enam bulan dan majikan yang menerima subsidi dibenarkan melaksanakan minggu kerja yang dikurangkan dengan pengurangan gaji untuk pekerja mereka. Ini diharapkan dapat membantu perniagaan terutamanya perusahaan mikro untuk mengekalkan perniagaan mereka tanpa memberhentikan pekerja mereka dalam tempoh pemulihan ekonomi.

12. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan kesemua inisiatif berkaitan pekerja di bawah PENJANA. Jawatankuasa yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan dan Menteri Sumber Manusia ini dianggotai wakil-wakil daripada sektor swasta dan sektor awam yang berkaitan. Selain dari itu, Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dan Jawatankuasa Kerja Peluang Pekerjaan Anak Muda dipengerusikan bersama oleh Menteri Sumber Manusia dan Menteri Belia dan Sukan juga telah ditubuhkan. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk menyediakan strategi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan serta melihat kepada isu-isu berkaitan penciptaan peluang pekerjaan dan keusahawanan di kalangan graduan dan belia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTIH]**
TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTIH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian di bawah Pelan Rangsangan Ekonomi (PRE) untuk membantu para majikan dan golongan pekerja yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan apakah kejayaan setakat ini serta usaha-usaha lanjut Kerajaan menerusi PENJANA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan amat prihatin untuk membela nasib rakyat terutamanya berkaitan dengan kesan akibat penularan wabak pandemik COVID-19. Sehubungan dengan itu, Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) telah diperkenalkan dan Kementerian Sumber Manusia telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Program Pengekalan Pekerjaan (ERP), Program Subsidi Upah (PSU), Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive*) dan Program Latihan (*reskilling* dan *upskilling*).
2. Untuk makluman ahli dewan yang mulia, sehingga 30 Jun 2020, seramai 322 ribu orang pekerja yang diberikan notis Cuti Tanpa Gaji telah mendapat manfaat dari Program Pengekalan Pekerjaan. Dana Kerajaan yang diperuntukan telah selesai diagihkan kepada pekerja yang terlibat di bawah program ini.
3. Untuk mengukuhkan lagi pengekalan pekerjaan, Kerajaan telah memperkenalkan Program Subsidi Upah (PSU) yang bertujuan untuk membantu majikan setiap perusahaan dengan memberi bantuan kewangan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah untuk tempoh 6 bulan.
4. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, sehingga 30 Jun 2020, Kementerian saya melalui PERKESO telah menerima sebanyak 319 ribu permohonan majikan yang akan melindungi 2.6 juta orang pekerja bagi Program Subsidi Upah. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 5.2 bilion di bawah program ini.
5. Seterusnya, usaha-usaha lanjut Kerajaan dalam memperkasakan pemulihan dan merangsang permintaan pekerjaan, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) melalui Kementerian Sumber Manusia untuk membela nasib majikan dan pekerja. Pelan ini merangkumi 2 komponen utama iaitu Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive*) dan Program Latihan.

6. Program Insentif Pengambilan Pekerja ini bertujuan merangsang permintaan pekerjaan di kalangan majikan dan meningkatkan kebolehpekerjaan serta peluang pekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Insentif di bawah Penjana Kerjaya meliputi 4 kategori yang berikut:

- (i) **#MyApprentice:** Insentif Perantisan bagi majikan yang mengambil pencari kerja tempatan secara perantis dan keutamaan diberi kepada fresh graduate atau pelajar lepasan sekolah.
- (ii) **#HireMalaysia** - Terdapat tiga kategori:
 - (a) Insentif Pengambilan Pekerja tempatan **di bawah umur 40 tahun;**
 - (b) Insentif Pengambilan Pekerja tempatan berumur **40 tahun dan sehingga 60** tahun dan
 - (c) Insentif Pengambilan Pekerja tempatan dalam **golongan mudah terjejas** terutamanya Orang Kurang Upaya (OKU) dan peserta Program *Return to Work* PERKESO.
- (iii) Selain Insentif Pengambilan Pekerja yang dinyatakan sebelum ini, **Bantuan Mobiliti atau (Mobility Assistance)** juga disediakan kepada pekerja baru yang diambil bekerja oleh pihak majikan. Bantuan Mobiliti ialah bayaran one-off kepada pekerja yang berpindah dari lokasi tempat pemastautin pencari kerja.
- (iv) Bagi mana-mana majikan yang mengambil pekerja baru dibawah Program Insentif Pengambilan Pekerja, pekerja-pekerja baru tersebut boleh dirujuk untuk menjalani latihan yang disediakan di bawah program ini. **Program Latihan** ini merujuk kepada menyediakan latihan semula (*reskilling and upskilling*) berdasarkan keperluan majikan dan pekerja yang diambil di bawah **Penjana Kerjaya**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
KAWASAN : LANANG
TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 27

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

(a) status terkini pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo di Sarawak dan sama ada Kerajaan akan menandatangani semula Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (PDP) yang telah ditamatkan pada Februari 2020; dan

(b) apakah langkah tambahan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak dijalankan dengan lancar dan selamat digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner Agreement – PDPA*). Sehingga bulan Jun 2020, status kemajuan terkini adalah 52% bagi projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak.

Kerajaan Pakatan Nasional akan tetap menghormati keputusan Kerajaan terdahulu untuk mengubah kaedah pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak. Berikutan itu usaha-usaha penambahbaikan berterusan ke atas kaedah pelaksanaan yang telah diputuskan sedang dilaksanakan bagi mengatasi kekangan-kekangan yang telah dikenalpasti.

Langkah-langkah tersebut adalah perlu bagi memastikan keselamatan dan kelancaran projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar pengangguran pekerja yang terkini dan apakah langkah Kementerian untuk membantu mereka yang kehilangan sumber pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Umum mengetahui kesan pandemik COVID-19 telah mengubah lanskap ekonomi serta pasaran pekerjaan dunia. Malaysia tidak terkecuali daripada menerima impak tersebut yang mengganggu-gugat ekosistem penyaluran bakat negara.
2. Data terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa kadar pengangguran Malaysia meningkat kepada 5.0% pada April 2020 (berbanding 3.9% pada Mac 2020). Jumlah penganggur pada April 2020 meningkat 48.8% kepada 778,800 orang (berbanding 523,300 orang pada bulan sama tahun lalu). DOSM menganggarkan julat maksimum kadar pengangguran adalah dalam lingkungan 3.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun ini.

3. Antara sektor pekerjaan yang paling terjejas adalah sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dan tidak terkecuali golongan bekerja sendiri yang sebahagian besarnya terdiri daripada peniaga/pengusaha kecil-kecilan. Kumpulan pekerja ini terdedah kepada risiko kehilangan pekerjaan dan pendapatan berikutan PKP.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan menyedari bebanan yang dihadapi rakyat dan telah melaksanakan pakej-pakej rangsangan ekonomi seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan PRIHATIN PKS TAMBAHAN yang berjaya menyelamatkan lebih 2.4 juta pekerjaan, mengurangkan beban aliran tunai hampir 11 juta rakyat serta memberi sokongan kepada lebih 300 ribu syarikat. Sehingga 2 Jun 2020, DOSM mendapati bahawa lebih kurang 12.7 juta atau 83.5 peratus pekerja telah mula bekerja berbanding 10.2 juta atau 67.2 peratus pada 17 Mei 2020.

5. Antara langkah-langkah segera Kerajaan dalam menangani isu pengangguran akibat pandemik COVID-19 ini adalah memperkenalkan Program Subsidi Upah (PSU). Program ini bertujuan untuk membantu majikan dalam semua perusahaan yang terkesan daripada segi ekonomi akibat wabak COVID-19 supaya mereka dapat meneruskan operasi syarikat. Sehingga 30 Jun 2020 di bawah Program Subsidi Upah (PSU), hampir 38 peratus iaitu RM5.2 bilion daripada jumlah keseluruhan dana telah diagihkan kepada majikan yang layak oleh PERKESO. Pengagihan tersebut melibatkan 319 ribu majikan untuk 2.6 juta orang pekerja.

6. Antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah program Pengekalan Pekerjaan (ERP) melalui PERKESO. Sehingga 30 Jun 2020, seramai 322 ribu orang pekerja yang diberikan notis Cuti Tanpa Gaji telah mendapat manfaat dari Program Pengekalan Pekerjaan (ERP). Dana Kerajaan yang diperuntukan telah selesai diagihkan kepada pekerja yang terlibat di bawah Program ini. Kementerian juga telah mengecualikan pembayaran levi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) 2001 [Akta 612] bagi

semua 63 sub-sektor industri selama 6 bulan mulai 1 April 2020 dan penangguhan pembayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) selama 6 bulan kepada semua pelatih lepasan TVET.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Pada 5 Jun 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Menerusi PENJANA pula, Kementerian terlibat dalam pelaksanaan 5 inisiatif daripada 11 inisiatif memperkasakan rakyat melalui PERKESO dan PSMB iaitu:

- (i) Program Subsidi Upah;
- (ii) Menaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara;
- (iii) Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan;
- (iv) Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig; dan
- (v) Insentif Pengaturan Kerja Fleksibel.

8. Kementerian telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020. Salah satu skim daripada inisiatif tersebut adalah *Place & Train* yang memberi jaminan penempatan pekerjaan setelah pelatih menamatkan latihan. Kumpulan sasar yang akan dilatih meliputi golongan graduan dan pelajar lepasan sekolah yang akan mengurangkan isu pengangguran dalam kalangan belia. Selain itu, bagi menyelesaikan isu pengangguran disebabkan oleh pandemik COVID-19, pekerja yang diberhentikan turut mendapat manfaat daripada skim ini. Dijangkakan seramai 40 ribu rakyat Malaysia akan beroleh manfaat dari inisiatif ini dan mempunyai peluang pekerjaan dalam tempoh masa 12 bulan.

9. Insentif Pengambilan Pekerja (Penjana Kerjaya) dilaksanakan melalui PERKESO yang bertujuan untuk membantu sektor perniagaan yang terjejas oleh kesan ekonomi COVID-19 dan pelaksanaan PKP.

10. Penjana Kerjaya mempromosikan penciptaan pekerjaan di kalangan majikan, sambil meningkatkan prospek pekerjaan di kalangan bakat Malaysia. Insentif pengambilan bertujuan untuk menyokong

majikan dengan memberikan insentif kewangan untuk majikan yang mengupah bakat tempatan termasuk kumpulan kurang diwakili seperti Orang Kurang Upaya (OKU). Peruntukan untuk program latihan pengisian tenaga kerja atau peningkatan kemahiran juga disediakan untuk pekerja yang baru dilantik. Selain itu, insentif Mobiliti juga diberikan kepada pekerja yang harus berpindah untuk menerima pekerjaan yang ditawarkan.

11. Menerusi inisiatif PENJANA, PSU telah dilanjutkan selama enam bulan dan majikan yang menerima subsidi dibenarkan melaksanakan minggu kerja yang dikurangkan dengan pengurangan gaji untuk pekerja mereka. Ini diharapkan dapat membantu perniagaan terutamanya perusahaan mikro untuk mengekalkan perniagaan mereka tanpa memberhentikan pekerja mereka dalam tempoh pemulihan ekonomi.

12. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan kesemua inisiatif berkaitan pekerja di bawah PENJANA. Jawatankuasa yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan dan Menteri Sumber Manusia ini dianggotai wakil-wakil daripada sektor swasta dan sektor awam yang berkaitan. Selain dari itu, Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dan Jawatankuasa Kerja Peluang Pekerjaan Anak Muda dipengerusikan bersama oleh Menteri Sumber Manusia dan Menteri Belia dan Sukan juga telah ditubuhkan. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk menyediakan strategi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan serta melihat kepada isu-isu berkaitan penciptaan peluang pekerjaan dan keusahawanan di kalangan graduan dan belia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
KAWASAN : KAMPAR
TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 29

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan, inisiatif, langkah-langkah dan banci yang telah dijalankan untuk mengenal pasti keperluan untuk menaik taraf Jalan Utama Persekutuan daripada Gopeng ke Kampar dan Kampar ke Tapah kepada laluan dua lorong sehalu “dual carriageway” demi keselamatan dan kemudahan penduduk-penduduk tempatan. Jikalau tiada, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengenalpasti tahap penyelesaian sesebuah jalan, program Banci Lalulintas Kebangsaan (BLK) dijalankan setiap tahun oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) di seluruh negara sejak tahun 1967. Di Daerah Kampar, terdapat tiga (3) stesen banci BLK yang terletak di Jalan Utama Persekutuan (FT01) dari Gopeng ke Kampar dan dari Kampar ke Tapah. Maklumat penyelesaian ini, yang diukur sebagai *Level of Service (LOS)*, akan digunakan sebagai salah satu kriteria untuk menentukan samada sesebuah jalan itu perlu dinaiktaraf. Hasil dari bancian tersebut, KKR menerbitkan laporan *Road Traffic Volume Malaysia (RTVM)* pada setiap tahun.

Merujuk kepada *Road Traffic Volume Malaysia* bagi tahun 2019 menunjukkan laluan Gopeng ke Kampar berada di tahap LOS A, manakala laluan Kampar ke Tapah pula berada pada LOS C. Lanjutan itu, data banci trafik terkini di laluan tersebut menunjukkan LOS yang baik dan masih belum mencapai tahap kapasiti jalan iaitu LOS F.

Sehubungan itu, berdasarkan data banci tersebut, KKR beranggapan bahawa cadangan untuk menaiktaraf Jalan Utama Persekutuan dari Gopeng ke Kampar dan dari Kampar ke Tapah kepada laluan empat lorong dua hala masih belum diperlukan.

Walau bagaimanapun, KKR akan sentiasa memantau tahap perkhidmatan jalan persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini. Sebarang cadangan naiktaraf jalan yang tersenarai dalam keutamaan Negeri akan diangkat ke dalam permohonan projek baharu *Rolling Plan* akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 14.07.2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sekiranya terdapat ketidakpatuhan dalam penjualan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) sama ada di premis atau dalam talian.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak merupakan alat yang penting bagi memastikan keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan. Ia membantu melindungi kanak-kanak semasa berlakunya kemalangan jalan raya dengan cara mengurangkan risiko kecederaan yang dialami oleh kanak-kanak tersebut. Spesifikasi kerusi keselamatan kanak-kanak perlu mempunyai pensijilan peraturan UN R44 atau R129 dan *Component Type Approval* (CTA) oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS).

Penglibatan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) secara umumnya dalam penguatkuasaan penjualan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) lebih menjurus kepada penguatkuasaan berkaitan aspek representasi palsu atau mengelirukan dari segi perihal standard keselamatan produk, kelulusan pihak berwibawa, ciri-ciri pencapaian, penggunaan serta cap dagangan palsu dalam aktiviti penjualan atau pengiklanan ketika menawarkan produk kerusi keselamatan kanak-kanak oleh peniaga atau industri.

Kementerian tiada peruntukan perundangan yang khusus berkenaan standard keselamatan penjualan produk ini dalam pasaran. Walau bagaimanapun, kementerian menggunakan beberapa peruntukan melalui perundangan yang sedang berkuatkuasa sekiranya berlaku ketidakpatuhan oleh mana-mana pihak dalam aktiviti penjualan kerusi keselamatan kanak-kanak ini sama ada di premis perniagaan atau secara dalam talian (*online*) bagi memastikan keselamatan pengguna dilindungi.

Kementerian mengawalselia perkara-perkara tersebut melalui peruntukan di bawah Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 serta Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012.

Pada tahun 2018, Kementerian telah menerima sebanyak 14 aduan, diikuti sebanyak 11 aduan pada tahun 2019, manakala sebanyak 11 aduan diterima pada tahun 2020 yang melibatkan ketidakpatuhan penjualan kerusi keselamatan kanak-kanak di premis perniagaan atau dalam talian. Kesemua aduan yang diterima telah diambil tindakan mengikut peruntukan perundangan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN
KAWASAN : SELANGAU
TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 31

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan projek Lebuh Raya Trans-Borneo seperti yang diluluskan oleh Kerajaan PH.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih meneruskan projek Lebuh Raya Trans Borneo yang akan menghubungkan Negara Brunei Darussalam, Indonesia dengan negeri-negeri Sarawak dan Sabah di Malaysia. Jajaran bagi Lebuh Raya Trans Borneo ini terdiri daripada Lebuh Raya Pan Borneo, *Sarawak – Sabah Link Road* dan beberapa jajaran di Lebuh Raya Trans Borneo yang masih belum dimulakan (*missing links*).

Setelah pengumuman dari pihak Kerajaan Indonesia untuk memindahkan ibu negara Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan, maka kerja-kerja untuk menyiapkan Trans Borneo Highway ini di sebelah Indonesia telah digiatkan. Jalan baru dari Simanggaris ke Malinau di Indonesia telahpun siap dan kerja-kerja untuk membina jalan baru dari Malinau ke Long Midan Kerayan di sempadan Malaysia telah dimulakan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menyiapkan Lebuh Raya Pan Borneo, *Sarawak – Sabah Link Road* dan beberapa Trans Borneo *missing links* di sebelah Malaysia untuk melengkapkan laluan Trans Borneo ini secara keseluruhannya.

Bagi Lebuh Raya Trans Borneo dari Kalabakan ke Simanggaris, Kementerian akan berbincang dengan Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri bagi menentukan hala tuju dan keutamaan projek ini dalam RMKe-12.

Pada masa ini, kerajaan akan menumpukan kepada penyiapan Lebuh Raya Pan Borneo dan *Sarawak – Sabah Link Road* Fasa 1 terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 14.07.2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan landskap terkini perniagaan dalam talian ketika situasi pandemik COVID-19. Apakah langkah Kementerian bagi membantu peniaga beralih dari model perniagaan fizikal ke platform digital untuk meneruskan kelangsungan operasi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Situasi pandemik COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 telah menyumbang kepada peningkatan dalam pembelian secara atas talian. Para peniaga yang selama ini menjalankan perniagaan hanya dalam premis perniagaan turut beralih kepada perniagaan atas talian dan mula menyediakan kemudahan tempahan secara maya. Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, sebanyak **28.9 peratus peningkatan** telah direkodkan bagi transaksi atas talian pada April 2020. Ini merupakan satu titik permulaan yang baik dalam usaha membangunkan perniagaan yang berkonsepkan digital, khususnya dalam sektor peruncitan.

2. Kementerian menggalakkan perkembangan ini, iaitu peralihan dari model perniagaan fizikal ke platform digital bagi membolehkan peniaga meneruskan kelangsungan operasi. Sehubungan itu, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam meningkatkan peluang perniagaan di atas talian khususnya dari kalangan peruncit. Sebagai contoh, kementerian telah mengambil inisiatif mengadakan **sesi libat urus bersama-sama wakil Pengendali Pasar Dalam Talian atau marketplace** bagi membincangkan kaedah dan penyelesaian terhadap isu-isu berkaitan e-dagang. Antara hasil awal adalah kejayaan dalam memberi peluang kepada peniaga meluaskan pasaran produk mereka seperti hasil segar dan makanan laut menerusi *marketplace* yang terpilih semasa tempoh PKP tersebut.

3. Kementerian juga telah melaksanakan **advokasi secara digital** melalui penghasilan infografik digital yang dimuat naik melalui media sosial Kementerian iaitu berkaitan garis panduan yang perlu diketahui oleh peniaga dalam menjalankan transaksi dalam talian. Ini secara tidak langsung akan memberi panduan kepada peniaga secara khususnya berkaitan tatacara perniagaan atas talian sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
KAWASAN : IGAN
TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 33

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai berapa ramai yang terjejas dan hilang pekerjaan akibat penamatan perjanjian Rakan Pelaksana Projek (PDP) Pan Borneo Sarawak. Apakah jaminan dan usaha Kerajaan untuk membantu mereka yang hilang pekerjaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebu Raya Pan Borneo Sarawak melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*) yang dibahagikan kepada dua (2) fasa sepanjang 1,064 km dari Telok Melano hingga ke Lawas.

Berikutan daripada penamatan Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. selaku Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner - PDP) pada 20 Februari 2020, Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama JKR Sarawak telah mengambil alih pelaksanaan Fasa 1 Projek Lebu Raya Pan Borneo Sarawak secara konvensional. Penamatan Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. telah melibatkan hampir 500 kakitangan syarikat tersebut dalam pelbagai bidang turut diberhentikan kontrak perkhidmatan mereka.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek, penambahbaikan berterusan sedang dilaksanakan khususnya peningkatan kapasiti dan kepakaran teknikal sedia ada. Usaha-usaha penambahbaikan ini akan turut mengambil kira model pelaksanaan alternatif yang akan memanfaatkan tenaga kerja yang berpengalaman di dalam pelaksanaan Fasa 1 Projek Lebu Raya Pan Borneo Sarawak sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. AMIRUDDIN BIN HAMZAH
[KUBANG PASU]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' IR. AMIRUDDIN BIN HAMZAH [KUBANG PASU] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah Projek Tebatan Banjir Sg. Bata (Dalam Daerah Kubang Pasu) dapat dijalankan bagi mengurangkan kerosakan kepada harta benda dan tanaman padi apabila banjir yang berlaku saban tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan mengambil serius dengan kejadian banjir yang berlaku saban tahun di kawasan tersebut. Sehubungan itu, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Temin/Sungai Bata, Daerah Kubang Pasu telah dimohon di dalam RMKe-12. Permohonan projek tersebut telah dibuat pada 10 Mei 2020 dengan anggaran kos sebanyak RM100 juta.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI
BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah keputusan Kementerian untuk menyemak semula Dasar Alam Sekitar Negara 2002, Dasar Perubahan Iklim Negara 2009 dan Kajian Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) agar selari dengan perkembangan isu alam sekitar hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Perikatan Nasional memandang serius terhadap kelestarian alam sekitar, sehubungan itu, diwujudkan satu Kementerian khusus yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan air.
2. Mengambil kira perkembangan kelestarian alam sekitar, perubahan iklim dan pertumbuhan ekonomi hijau, Kementerian sedang mengkaji semula semua Dasar berkaitan.
3. Dalam hal ini, Kementerian telah menghasilkan *State of the Environment Report* berkenaan keadaan semasa alam sekitar di Malaysia pada Februari 2020. Kementerian menggunakan input dan cadangan daripada laporan ini dalam mengkaji semula Dasar Alam Sekitar Negara (DASN). DASN akan

dikaji semula bersama semua pemegang taruh dan dijangka siap pada suku ke-empat tahun 2021.

4. Mengenai Dasar Perubahan Iklim Negara (DPIN), Dasar ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2009. Pembangunan DPIN telah mengambil kira tadbir urus perubahan iklim negara, kerangka institusi berkaitan tindakan dan pelaporan perubahan iklim, serta obligasi negara selaku negara ahli kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC).

5. Pada tahun 2015, Malaysia telah memersetujui dan meratifikasi *Paris Agreement* di bawah UNFCCC. Di bawah *Paris Agreement* 2015, semua negara ahli kepada UNFCCC termasuk Malaysia perlu melaksanakan tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim yang akan menyumbang kepada perjanjian tersebut.

6. Mengambil kira corak pembangunan terkini, dasar DASN ini akan disemak semula dengan menekankan 25 elemen utama dan akan digabungkan dengan elemen Perubahan Iklim supaya menjadi dasar yang lebih holistik.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Pihak Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa melaksanakan usaha-usaha bagi menambah baik prosedur dalam memastikan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar, adalah selari dengan perkembangan isu alam sekitar. Antara perkara utama yang ditekankan adalah:

- i) Memperkukuhkan keperluan perundangan dan prosedur penilaian *Environmental Impact Assessment (EIA)*.
 - mengkaji semula perundangan berkaitan yang sedia ada di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan penambahbaikan EIA;

- ii) Pengukuhan Libat Urus Awam.
 - penglibatan semua pihak sama ada agensi kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam semasa proses kajian EIA.

- iii) Domain baru yang akan dilaksanakan.
 - memastikan pengiraan kesan jejak karbon yang terhasil semasa pelaksanaan sesuatu projek diambilkira dalam Laporan EIA

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN
KAWASAN : PAPAR
TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 36

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

(a) berapa lagi pakej kerja-kerja pembinaan keseluruhan Pan Borneo yang belum dilaksanakan sewaktu peralihan Kerajaan sejak 1 Mac 2020; dan

(b) berapa pakej-pakej yang telah ditenderkan selepas peralihan kuasa dan berapa banyak syarikat dari Sabah yang telah diberikan kerja pembinaan Lebuhraya Pan Borneo setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Papar, pelaksanaan Fasa 1 projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sehingga Jun 2020 bagi semua pakej kerja yang telah dimulakan adalah 32%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 41 kontrak telah dianugerahkan kepada kontraktor dan perunding dalam pelbagai bidang bagi projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang berpengalaman di Sabah. Manakala, empat (4) pakej kerja termasuk pakej kerja melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak sedang ditender yang dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini. Manakala pelaksanaan bagi baki 20 pakej kerja adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan untuk RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN JUGAH ANAK MUYANG
@ TAMBAT [LUBOK ANTU]**

TARIKH : **14 JULAI 2020 [SELASA]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk melaksanakan program **rumah murah/mampu milik** dalam Parlimen Lubok Antu di daerah Engkilili dan Lubok Antu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Dasar Perumahan Mampu Milik (DRMM), Rumah Mampu Milik (RMM) didefinisikan sebagai rumah yang mampu dimiliki, berdaya huni dan selamat diduduki bagi memenuhi keperluan rakyat di bawah kumpulan berpendapatan B40 dan M40. Kerajaan juga menetapkan harga rumah mampu milik maksimum adalah RM300,000 yang menggunakan pakai 2 kategori harga rumah iaitu :

BIL	KATEGORI	HARGA
1.	Jenis I	RM150,000 ke bawah
2.	Jenis II	RM150,001 hingga RM300,000

2. RMM yang dilaksanakan di bawah KPKT adalah seperti berikut:

- i) Program Perumahan Rakyat (PPR);
- ii) Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM);
- iii) PR1MA; dan
- iv) Program Rumah Mesra Rakyat (RMR).

3. Buat masa ini, tiada perancangan projek baharu RMM di bawah KPKT dalam Parlimen Lubok Antu, daerah Engkilili bagi tahun 2020. Walau bagaimanapun, di Sarawak terdapat 11 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang merangkumi 8 projek telah siap dibina (4,140 unit) dan 3 projek PPR yang masih dalam peringkat pembinaan dengan jumlah 1,112 unit. 3 projek PPR yang masih dalam pembinaan adalah PPR Jalan Landeh (443 unit), Petrajaya (208 unit) dan Seduan (461 unit).

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, perancangan penyediaan RMM di bawah PPR adalah tertakluk kepada kesediaan dan kesesuaian tapak tanah milik Kerajaan Negeri untuk pembangunan PPR serta cadangan keutamaan daripada Kerajaan Negeri. Jika terdapat tanah dan lokasi yang bersesuaian untuk pembangunan PPR, keperluan tersebut boleh dikemukakan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan penyelarasan dan cadangan tersebut boleh dipanjangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status dan kemajuan pembinaan *Flood Mitigation Development* Skim 2 dan 4 yang melibatkan peruntukan sejumlah RM250 juta di Daerah Penampang yang sering kali menghadapi masalah banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terdapat empat (4) pakej utama projek Tebatan Banjir di Daerah Penampang yang terdiri daripada:

1. Pakej 1 – Membina dan menaiktaraf Parit 18A, status projek adalah dalam pelaksanaan dengan status kemajuan fizikal sebenar di tapak sebanyak 81.39% berbanding 73.85% dari yang dijadualkan;
2. Pakej 3 – Kerja Menaiktaraf Sungai Putatan, status projek dalam pelaksanaan dengan status kemajuan fizikal sebenar di tapak 64.1% berbanding 59.3% dari yang dijadualkan;
3. Pakej 2 – RTB Persekitaran Lido dijadualkan akan ditender pada tahun 2021; dan
4. Pakej 4 – Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Moyog telah dimohon dalam RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan dan strategi yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah permohonan kewarganegaraan yang berterusan khususnya yang melibatkan kanak-kanak. Nyatakan jumlah permohonan keseluruhan yang masih tertunggak setakat sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan kewarganegaraan individu berumur bawah 21 tahun diproses di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Dalam memastikan permohonan berkenaan diproses dengan lebih sistematik dan berkesan, Kementerian telah menambahbaik Prosedur Pengendalian Standard (SOP) Permohonan Kewarganegaraan Di Bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dengan **tempoh pemprosesan yang lebih singkat bagi permohonan lengkap yang diterima mulai tahun 2020.**

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2018 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 12,384 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan telah diterima. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 11,932 permohonan sedang diproses.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak permasalahan berkaitan dengan sijil kelahiran dan kad pengenalan Malaysia yang telah diselesaikan semenjak dua tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Permasalahan berkaitan Sijil Kelahiran dan kad pengenalan MyKad seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mungkin berhubung dengan daftar lewat sijil kelahiran dan kad pengenalan yang mana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendaftarkan individu-individu berkenaan melalui permohonan Daftar Lewat Sijil Kelahiran atau Daftar Lewat Kad Pengenalan. Berdasarkan rekod JPN bagi tempoh dari tahun 2018 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 25,569 permohonan Daftar Lewat Kelahiran dan 2,898 permohonan Daftar Lewat Kad Pengenalan yang diterima di seluruh Negara telah berjaya diselesaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran kelahiran di Malaysia yang dilaksanakan oleh JPN di Semenanjung Malaysia, negeri Sabah, dan negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada tiga (3) punca kuasa seperti mana berikut:-

- a. Di Semenanjung Malaysia adalah di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299);

NO. SOALAN : 40

- b. Di negeri Sabah adalah di bawah *Registration Birth and Death Ordinance* (Sabah CAP123); dan
- c. Di negeri Sarawak adalah di bawah *Registration Birth and Death Ordinance* (Sarawak CAP10).

Selaras dengan ketiga-tiga punca kuasa berkenaan, seseorang individu perlu memohon Daftar Lewat Kelahiran jika kelahirannya tidak didaftarkan di JPN selepas tempoh seperti mana berikut:-

- a. Selepas 60 hari dari tarikh kelahirannya di Semenanjung Malaysia; dan
- b. Selepas 42 hari dari tarikh kelahirannya di negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Manakala, bagi individu bertaraf warganegara Malaysia yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi belum pernah memiliki kad pengenalan MyKad, individu berkenaan perlu memohon Daftar Lewat Kad Pengenalan selaras dengan Akta Pendaftaran Negara 1978 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jaminan berkenaan program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2019 akan diteruskan semula terutamanya selepas wabak pandemik COVID-19 reda dan berakhir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2020, program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) telah dilaksanakan sebanyak 2 kohort sehingga Mac 2020 dengan penyertaan peserta seramai 4,428 orang. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya terpaksa ditangguhkan mulai 18 Mac 2020 disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memutuskan rantai pandemik COVID-19.
2. Pada 24 April 2020 di Bernama TV melalui segmen Ruang Bicara, saya telah membicarakan tentang Belia, Sukan dan Cabaran '*The New Normal*' dan memaklumkan bahawa program-program pembangunan belia seperti MFLS perlu diteruskan. Sekali lagi pada 26 April 2020 di Radio dan Televisyen Malaysia, saluran TV1 dalam slot Bicara Naratif Aspirasi Belia dan Sukan Negara, saya telah memaklumkan perkara yang sama. Hasil dapatan maklum balas yang diterima mengenai program ini adalah amat positif dalam pembangunan belia Malaysia. Impak yang positif ini diharap dapat menyediakan kelangsungan pemimpin belia pada masa hadapan.
3. Justeru itu, program MFLS akan diteruskan dengan kerjasama rakan agensi strategik dari Kementerian Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pertubuhan belia di seluruh Malaysia yang berdaftar dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) secara dalam talian (*online*) dan bersemuka. Program secara dalam talian dirancang bermula pada minggu keempat Julai 2020 dan secara bersemuka mulai Ogos 2020 tertakluk kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan mekanisme bantuan yang dihulurkan kepada masyarakat orang asli yang hilang punca pendapatan sepanjang dan selepas Perintah Kawalan Berkawal (PKB). Bagaimana Kementerian membantu murid-murid Orang Asli yang tidak mempunyai akses internet dan komputer untuk mengikuti pembelajaran dalam talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kementerian melalui JAKOA telah mengambil tindakan proaktif sejajar dengan peranan JAKOA iaitu menjaga kebajikan dan kemajuan masyarakat orang Asli. Dalam tempoh PKP pelbagai bantuan telah disalurkan kepada masyarakat Orang Asli. Antara bantuan-bantuan yang telah diberikan ialah :

- Pertama : Bantuan Bakul makanan kepada lebih 60,000 Ketua Isi rumah (KIR) Orang Asli. Bantuan ini diberikan sebanyak tiga (3) kali kepada semua KIR yang berkenaan.
- Kedua : Bantuan Susu tepung kepada lebih 60,000 Ketua Isi rumah (KIR) Orang Asli.
- Ketiga : Bantuan Sabun Anti Bakteria kepada lebih 60,000 Ketua Isi rumah (KIR) Orang Asli.

NO. SOALAN : 42

Keempat : Bantuan hand sanitizer dan face mask kepada 853 Batin dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli (MPKKOA)

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak Kementerian melalui JAKOA dalam proses mengenalpasti plot kawasan liputan akses capaian internet di perkampungan Orang Asli bagi tujuan pembelajaran secara atas talian. Selain itu, Kementerian juga dalam proses perbincangan dengan pihak kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk mendapatkan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dan fleksibel berkonsepkan modul pendidikan digital kepada murid-murid Orang Asli pedalaman.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
(PUTATAN)**

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan prestasi semasa kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia terutamanya kepada petugas-petugas Jabatan Imigresen Malaysia yang bertugas di Kaunter Pemeriksaan Imigresen di Lapangan Terbang. Adakah kursus-kursus peningkatan prestasi ataupun induksi dilakukan khusus untuk meningkat mutu kerja Jabatan Imigresen Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai kursus telah dirangka oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi meningkatkan prestasi pegawai serta memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan yang lebih berkesan.

Bagi tahun 2020, JIM merancang untuk melaksanakan pelbagai kursus yang melibatkan kursus-kursus generik seperti Kursus Perkhidmatan Kaunter dan Komunikasi, Kursus-kursus Bahasa serta kursus-kursus fungsi dan pengoperasian yang melibatkan perkhidmatan teras JIM.

Di samping itu juga, JIM telah menambahbaik Kursus Asas Imigresen kepada pegawai-pegawai lantikan baharu daripada 49 hari kepada 4 bulan yang bertujuan untuk memastikan pegawai benar-benar bersedia untuk melaksanakan tugas dan seterusnya meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Jabatan telah menetapkan agar semua pegawai menghadiri kursus sekurang-kurangnya 3 hari berkursus dalam setahun supaya setiap pegawai memperolehi pendedahan dan latihan kemahiran yang optimum.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGAM]

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar telah melakukan pemantauan berkala terhadap kilang pelupusan sisa elektronik yang dipercayai telah menyumbang kepada pencemaran udara di kawasan Simpang Renggam.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor telah menjalankan penguatkuasaan berkala dan juga bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasa tempatan antaranya Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR), Imigresen, BOMBA, Polis, Bahagian Kawalselia Air Johor (BAKAJ) dan agensi-agensi lain ke atas premis ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB MAHFUZ B. OMAR (POKOK SENA)

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah dan peratusan kelulusan yang diberikan untuk kemasukan pekerja asing mengikut kategori kelulusan biasa, kelulusan khas menteri dan kelulusan gantian daripada tahun 2016 sehingga Jun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum bahawa soalan Ahli Yang Berhormat adalah merujuk kepada jumlah keseluruhan kuota penggajian pekerja asing tidak mahir oleh majikan mengikut kategori permohonan baru, permohonan khas dan permohonan gantian dari tahun 2016 sehingga 17 Mac 2020 bagi enam (6) sektor yang dibenarkan iaitu sektor perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan, perlombongan dan pengkuarian serta perkhidmatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar utama penggajian negara masih mengutamakan penggajian dalam kalangan rakyat tempatan iaitu kebenaran penggajian pekerja asing bagi sektor-sektor tersebut hanya bersifat sementara untuk mengisi jawatan-jawatan yang kurang digemari dan tidak dapat diisi oleh rakyat tempatan serta membantu majikan untuk terus berdaya saing.

NO. SOALAN : 45

Sehubungan dengan itu, sebelum permohonan majikan untuk menggajikan pekerja asing diluluskan, terdapat pelbagai proses semakan, prosedur dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh majikan. Selain permohonan penggajian pekerja asing perlu dikemukakan terlebih dahulu kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk tapisan awal, Pusat Kelulusan Setempat, Kementerian Dalam Negeri (*One Stop Centre* - OSC, KDN) yang turut terdiri daripada Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan lapan (8) Agensi Kawal Selia (AKS) mengikut sektor juga berperanan untuk menilai dan mempertimbangkan permohonan penggajian pekerja asing bagi setiap sektor yang dibenarkan. Secara umumnya, jumlah pekerja asing yang diluluskan kepada majikan adalah berpandukan kepada nisbah kelayakan dan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh AKS bagi sektor-sektor yang dibenarkan serta dasar, prosedur dan syarat-syarat penggajian pekerja asing di Malaysia sebagaimana yang telah ditetapkan oleh KSM.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, selain daripada penggajian pekerja asing melalui kaedah sedia ada iaitu permohonan kuota baharu bagi sektor yang dibenarkan, Kerajaan juga turut mempertimbangkan permohonan penggajian pekerja asing melalui kaedah penggantian pekerja asing berdasarkan Memo Periksa Keluar (*Check Out Memo* - COM). Permohonan penggantian pekerja asing bertujuan memberikan kemudahan dan pilihan kepada majikan untuk menggantikan pekerja asing yang pulang ke negara asal.

Manakala permohonan kelulusan khas pula merujuk kepada kelulusan ke atas permohonan rayuan yang dikemukakan oleh pihak majikan bagi kes-kes tertentu sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada permohonan baru dan permohonan gantian pekerja asing diterima sejak Kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan secara berperingkat mulai 18 Mac 2020. Selain itu, Kerajaan juga telah menangguhkan kemasukan pekerja asing dari semua Negara Sumber sehingga ke suatu tarikh yang bersesuaian tertakluk kepada nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BT. ANWAR
(PERMATANG PAUH)**

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) bagaimana penjarakan sosial akan dilaksanakan di depot tahanan mengambil kira lonjakan kes COVID-19 dalam kalangan pendatang asing; dan

(b) apakah status penaiktarafan kesemua depot tahanan di Malaysia yang telah dicadangkan sebagai sebahagian daripada Rancangan Malaysia ke-12.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa memastikan tahap kesihatan yang baik di kalangan tahanan di Depot Tahanan Imigresen, terutamanya semasa krisis pandemik wabak COVID-19 yang sedang melanda negara pada ketika ini. Dengan peningkatan jumlah tahanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pihak JIM mengambil langkah-langkah mengekang penularan wabak COVID-19 di kalangan tahanan dengan mewajibkan saringan COVID-19 ke atas semua tahanan baharu serta disahkan sihat daripada wabak tersebut.

Selain itu, saringan gejala seperti demam, batuk dan selsema akan dilaksanakan secara berkala terhadap semua tahanan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas di Depot Tahanan Imigresen. Tahanan yang mempunyai gejala akan diasingkan dan segera dibawa ke hospital atau klinik terdekat bagi mendapatkan rawatan. Pihak JIM turut mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Penjara Malaysia untuk menggunakan fasiliti penjara dan lain-lain fasiliti bagi tujuan penempatan tahanan imigresen untuk mengelakkan kepadatan yang terlalu tinggi di Depot Tahanan Imigresen sedia ada.

Dari aspek kesihatan tahanan, pihak JIM bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menempatkan 14 orang Penolong Pegawai Perubatan di Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara bagi memberikan rawatan awal kepada tahanan. Klinik kesihatan yang berhampiran telah dikenalpasti dan dipilih oleh KKM bagi memperkukuh perkhidmatan kesihatan di Depot Tahanan Imigresen serta berperanan sebagai pusat rujukan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang dilantik dan sebagai pembekal keperluan perubatan ke depot-depot. Pemantauan kesihatan secara berkala turut dilakukan oleh KKM ke Depot Tahanan Imigresen dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KDN sentiasa mengambil langkah proaktif dalam membaik pulih dan menaik taraf Depot-depot Tahanan Imigresen sedia ada. Sebanyak RM174.3 juta telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) bagi tahun 2020 bagi tujuan penaiktarafan Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara.

Selain itu, KDN juga telah memohon peruntukan berjumlah RM253.9 juta di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk tahun 2021 bagi membangunkan semula dan menaik taraf Depot Tahanan Imigresen di negeri Johor, Kelantan dan Terengganu yang akan tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa warga Sabah berbangsa Kadazan yang dilahirkan di Brunei, Raphael Sinumbong (MyPR No. 600404-71-5985) tidak diberikan kewarganegaraan Malaysia walaupun mendiang bapa beliau dan Raphael telah sekian lama membuat permohonan, menjalani ujian Bahasa Malaysia dan berulang kali ke Jabatan Pendaftaran Negara (sebelum bapa beliau meninggal dunia dan selepas itu disambung oleh Raphael) untuk memberi penjelasan berkenaan permohonan kewarganegaraan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berhubung dengan permohonan kewarganegaraan individu (Raphael Sinumbong / No. MyPR: 600404-71-5985) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah membuat semakan sewajarnya dan mendapati perkara-perkara seperti mana berikut:-

- a. Permohonan Kali Pertama: Pemohon telah mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia secara naturalisasi di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2018, tetapi permohonan tersebut dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat; dan
- b. Permohonan Kali Kedua: Pemohon telah mengemukakan permohonan semula pada tahun 2019. Permohonan berkenaan sedang diproses.

Berkaitan perkara ini dan bagi kes berkenaan atau mana-mana permohonan daripada individu yang dirujuk kepada Ahli Yang Berhormat, Kementerian ingin mencadangkan agar para pemohon merujuk terus ke Kementerian atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan cara hadir ke pejabat dan kaunter ataupun melalui e-mel dan telefon bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan dokumen pengenalan diri atau membuat semakan status permohonan kewarganegaraan Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI
BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan strategi bagi menangani masalah peningkatan kadar pengangguran berikutan impak penularan COVID-19 di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Umum mengetahui kesan pandemik COVID-19 telah mengubah lanskap ekonomi serta pasaran pekerjaan dunia. Malaysia tidak terkecuali daripada menerima impak tersebut yang mengganggu-gugat ekosistem penyaluran bakat negara.
2. Data terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa kadar pengangguran Malaysia meningkat kepada 5.0% pada April 2020 (berbanding 3.9% pada Mac 2020). Jumlah penganggur pada April 2020 meningkat 48.8% kepada 778,800 orang (berbanding 523,300 orang pada bulan sama tahun lalu). DOSM menganggarkan julat maksimum kadar pengangguran adalah dalam lingkungan 3.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun ini.

3. Antara sektor pekerjaan yang paling terjejas adalah sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dan tidak terkecuali golongan bekerja sendiri yang sebahagian besarnya terdiri daripada peniaga/pengusaha kecil-kecilan. Kumpulan pekerja ini terdedah kepada risiko kehilangan pekerjaan dan pendapatan berikutan PKP.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan menyedari bebanan yang dihadapi rakyat dan telah melaksanakan pakej-pakej rangsangan ekonomi seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan PRIHATIN PKS TAMBAHAN yang berjaya menyelamatkan lebih 2.4 juta pekerjaan, mengurangkan beban aliran tunai hampir 11 juta rakyat serta memberi sokongan kepada lebih 300 ribu syarikat. Sehingga 2 Jun 2020, DOSM mendapati bahawa lebih kurang 12.7 juta atau 83.5 peratus pekerja telah mula bekerja berbanding 10.2 juta atau 67.2 peratus pada 17 Mei 2020.

5. Antara langkah segera Kerajaan dalam menangani isu pengangguran akibat pandemik COVID-19 ini adalah memperkenalkan Program Subsidi Upah (PSU). Program ini bertujuan untuk membantu majikan dalam semua perusahaan yang terkesan daripada segi ekonomi akibat wabak COVID-19 supaya mereka dapat meneruskan operasi syarikat. Sehingga 30 Jun 2020 di bawah Program Subsidi Upah (PSU), hampir 38 peratus iaitu RM5.2 bilion daripada jumlah keseluruhan dana telah diagihkan kepada majikan yang layak oleh PERKESO. Pengagihan tersebut melibatkan 319 ribu majikan untuk 2.6 juta orang pekerja.

6. Antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah program Pengekalan Pekerjaan (ERP) melalui PERKESO. Sehingga 30 Jun 2020, seramai 322 ribu orang pekerja yang diberikan notis Cuti Tanpa Gaji telah mendapat manfaat dari Program Pengekalan Pekerjaan (ERP). Dana Kerajaan yang diperuntukan telah selesai diagihkan kepada pekerja yang terlibat di bawah Program ini. Kementerian juga telah mengecualikan pembayaran levi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) 2001 [Akta 612] bagi

semua 63 sub-sektor industri selama 6 bulan mulai 1 April 2020 dan penangguhan pembayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) selama 6 bulan kepada semua pelatih lepasan TVET.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Pada 5 Jun 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Menerusi PENJANA pula, Kementerian terlibat dalam pelaksanaan 5 inisiatif daripada 11 inisiatif memperkasakan rakyat melalui PERKESO dan PSMB iaitu:

- (i) Program Subsidi Upah;
- (ii) Menaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara;
- (iii) Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan;
- (iv) Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig; dan
- (v) Insentif Pengaturan Kerja Fleksibel.

8. Kementerian telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020. Salah satu skim daripada inisiatif tersebut adalah *Place & Train* yang memberi jaminan penempatan pekerjaan setelah pelatih menamatkan latihan. Kumpulan sasar yang akan dilatih meliputi golongan graduan dan pelajar lepasan sekolah yang akan mengurangkan isu pengangguran dalam kalangan belia. Selain itu, bagi menyelesaikan isu pengangguran disebabkan oleh pandemik COVID-19, pekerja yang diberhentikan turut mendapat manfaat daripada skim ini. Dijangkakan seramai 40 ribu rakyat Malaysia akan beroleh manfaat dari inisiatif ini dan mempunyai peluang pekerjaan dalam tempoh masa 12 bulan.

9. Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) dilaksanakan melalui PERKESO yang bertujuan untuk membantu sektor perniagaan yang terjejas oleh kesan ekonomi COVID-19 dan pelaksanaan PKP.

10. PenjanaKerjaya mempromosikan penciptaan pekerjaan di kalangan majikan, sambil meningkatkan prospek pekerjaan di kalangan bakat Malaysia. Insentif pengambilan bertujuan untuk menyokong majikan dengan memberikan insentif kewangan untuk majikan yang

mengupah bakat tempatan termasuk kumpulan kurang diwakili seperti Orang Kurang Upaya (OKU). Peruntukan untuk program latihan pengisian tenaga kerja atau peningkatan kemahiran juga disediakan untuk pekerja yang baru dilantik. Selain itu, insentif Mobiliti juga diberikan kepada pekerja yang harus berpindah untuk menerima pekerjaan yang ditawarkan.

11. Menerusi inisiatif PENJANA, PSU telah dilanjutkan selama enam bulan dan majikan yang menerima subsidi dibenarkan melaksanakan minggu kerja yang dikurangkan dengan pengurangan gaji untuk pekerja mereka. Ini diharapkan dapat membantu perniagaan terutamanya perusahaan mikro untuk mengekalkan perniagaan mereka tanpa memberhentikan pekerja mereka dalam tempoh pemulihan ekonomi.

12. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan kesemua inisiatif berkaitan pekerja di bawah PENJANA. Jawatankuasa yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan dan Menteri Sumber Manusia ini dianggotai wakil-wakil daripada sektor swasta dan sektor awam yang berkaitan. Selain dari itu, Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dan Jawatankuasa Kerja Peluang Pekerjaan Anak Muda dipengerusikan bersama oleh Menteri Sumber Manusia dan Menteri Belia dan Sukan juga telah ditubuhkan. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk menyediakan strategi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan serta melihat kepada isu-isu berkaitan penciptaan peluang pekerjaan dan keusahawanan di kalangan graduan dan belia.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah pendirian Kementerian kini berhubung pemuliharaan Sungai Muda sebagai “sungai strategik”. Apakah inisiatif yang diambil bagi melindungi Sungai Muda daripada pencemaran dan tindakan terhadap mereka yang dikenal pasti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Semua sungai adalah strategik dari segi kepentingan kepada pembangunan, kesihatan awam, bekalan air dan kelestarian alam sekitar. Sungai Muda merupakan lembangan sungai yang dikongsi bersama oleh Negeri Kedah dan Pulau Pinang.
2. KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu/ *Intergated River Basin Management* (IRBM) di Lembangan Sungai Muda pada tahun 2018.
3. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Kedah dan Pulau Pinang perlu bekerjasama menggunakan pelan IRBM Lembangan Sungai Muda yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan ini. Pelan IRBM ini

NO. SOALAN : 49

merupakan rujukan bagi Kerajaan Negeri bagi pembangunan lembangan Sungai Muda dan memastikan sumber air yang bersih dan mencukupi, mengurangkan risiko banjir serta memastikan kelestarian alam sekitar.

4. Selain daripada peranan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, KASA berpandangan pihak-pihak berkepentingan lain juga boleh terlibat dalam usaha memelihara dan memulihara kualiti air sungai. Contohnya dengan memperkenalkan program sukarela *river rehabilitation* bersama pihak NGO, persatuan masyarakat yang berada di lembangan sungai berkenaan, entiti komersial dan lain-lain supaya dapat mewujudkan rasa kepunyaan terhadap sungai di kawasan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

TARIKH : 14.07.20 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan polisi membenarkan pengimportan gula oleh pengusaha-pengusaha food and beverage di Sarawak dan Sabah memandangkan ia adalah lebih murah berbanding dengan harga gula yang dijual oleh pengilang-pengilang di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian akan terus membenarkan pengimportan gula oleh syarikat pengusaha makanan dan minuman di seluruh negara bagi menggalakkan penghasilan produk yang kompetitif untuk pasaran domestik dan eksport antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dengan secara terperinci jumlah pelajar-pelajar ILP yang sedang mengikuti kursus-kursus di Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Manusia. Berapa jumlah dana sebenar yang disediakan oleh Kerajaan untuk kursus-kursus ILP setiap tahun dan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menambah bidang kursus ILP untuk melahirkan graduan yang memiliki kemahiran, kebolehan dan nilai kemanusiaan yang diperlukan oleh Revolusi Industri 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2019, jumlah keseluruhan pelatih berdaftar di Institut Latihan Perindustrian (ILP) adalah 12,550 orang pelatih sepenuh masa. Manakala jumlah keseluruhan pelatih ILP pada Sesi 1/2020 adalah seramai 11,677 orang dan kemasukan untuk Sesi 2/2020 di jadualkan pada September 2020. Jumlah Pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) secara terperinci adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1: Jumlah pelatih ILP mengikut negeri

SOALAN NO : 51

Bil	ILP	TAHUN	
		2019	1/2020 (Jan)
1	ILP KUALA LUMPUR	738	714
2	ILP KOTA BHARU	925	751
3	ILP KUALA TERENGGANU	765	733
4	ILP KUANTAN (ANJUNG MUADZAM SHAH)	611 36	582 33
5	ILP JITRA	720	712
6	ILP IPOH	702	676
7	ILP BUKIT KATIL	564	523
8	ILP PASIR GUDANG	948	866
9	ILP KANGAR	309	325
10	ILP PEDAS	467	463
11	ILP TANGKAK	442	424
12	ILP LABUAN	484	512
13	ILP KOTA KINABALU	701	622
14	ILP KOTA SAMARAHAN	514	427
15	ILP KEPALA BATAS	658	624
16	ILP SELANDAR	247	213
17	ILP ARUMUGAM PILLAI	389	363
18	ILP KUALA LANGAT	434	372
19	ILP MERSING	378	368
20	ILP SANDAKAN	376	369
21	ILP PERAI	299	253
22	ILP MIRI	509	477
23	ILP MARANG	334	275
Jumlah Keseluruhan		12,550	11,677

2. Dana yang diperuntukkan untuk menampung perbelanjaan kursus-kursus di 23 buah ILP seluruh Malaysia setiap tahun adalah sekitar RM 80 juta ke RM 90 juta bergantung kepada bilangan enrolmen pelatih pada tahun tersebut. Kos ini melibatkan penyediaan elaun makan, elaun saku, penyelenggaraan peralatan latihan dan barang guna habis bagi setiap pelatih.

SOALAN NO : 51

3. Bagi memperkasakan lagi kemahiran, kebolehan dan nilai kemanusiaan yang diperlukan Revolusi Industri 4.0, JTM turut aktif mendapatkan input-input daripada pakar industri dan mereka yang lebih berpengalaman berkaitan revolusi ini. Berdasarkan input-input ini, pelbagai modul baru telah dirancang untuk diperkenalkan kepada para pelajar seperti modul *cloud computing*, *cybersecurity*, *augmented reality* dan *big data* samada secara *stand alone module* atau diterapkan di dalam modul pembelajaran sedia ada. Pembelajaran secara teori dan amali yang ditekankan kepada para pelajar TVET membolehkan mereka dapat menguasai kemahiran-kemahiran berkaitan Industri 4.0 ini dengan baik dan seterusnya mampu menjadi tenaga kerja yang efisien pada masa hadapan sesuai dengan kehendak industri semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN
TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

**DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR
[JERLUN]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkara-
perkara berikut yang berkaitan dengan pandemik COVID-19 :-

- (a) jumlah pekerja yang diberhentikan kerja dan hilang punca pendapatan dan unjuran kadar pengangguran; dan
- (b) langkah membantu mereka yang hilang pekerjaan, rancangan memperkasakan ekonomi keluarga golongan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan laporan majikan melalui Borang Pemberhentian Pekerja (Borang PK) yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Laporan yang diwajibkan untuk dikemukakan kepada JTK tidak meliputi perincian umur, kaum dan status perkahwinan. Jumlah keseluruhan yang terlibat dengan pemberhentian iaitu sebanyak 1,377 majikan dengan 36,196 orang pekerja. Pemberhentian Tetap (*Permanent Retrenchment*) melibatkan seramai 28,779 orang pekerja manakala seramai 7,417 orang diberhentikan secara Pemberhentian Sukarela (*Voluntary Separation Scheme*).

2. Kerajaan melalui KSM telah melaksanakan tindakan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan. Bagi tujuan tersebut, majikan diwajibkan untuk melengkap dan mengemukakan Borang Pemberhentian (PK) dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tindakan pemberhentian dilakukan sebagaimana Seksyen 63 Akta Kerja 1955 (Akta 265). Ini adalah bertujuan untuk:

- i) memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang;
- ii) memastikan majikan mengikuti Garis Panduan Pemberhentian Pekerja yang dikeluarkan oleh JTK dalam melaksanakan pemberhentian pekerja; dan
- iii) membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang telah diberhentikan berdaftar dengan portal *JobsMalaysia* atau meningkatkan kemahiran baru melalui jabatan dan agensi di bawah kementerian.

3. Majikan yang bercadang untuk menjalankan pemberhentian pekerja diwajibkan memberikan tempoh notis yang mencukupi kepada pekerja mereka mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan di bawah Seksyen 12 (2), Akta 265 serta diwajibkan membayar faedah pemberhentian kerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980. Kegagalan majikan untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang ada melakukan satu kesalahan atau melanggar peruntukkan akta, apabila disabitkan, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO sentiasa memantau keadaan pemberhentian pekerja negara. Berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berhubung dengan kes kehilangan pekerjaan adalah seperti berikut:

Statistik Kehilangan Pekerjaan (*Loss of Employment-LOE*)

Tahun	Kehilangan Pekerjaan (<i>Loss of Employment-LOE</i>)
2018	23,697
2019	40,084
2020	50,825 (sehingga 1 Julai 2020)

5. Berhubung tuntutan dan bayaran faedah SIP pada tahun 2018 sebanyak RM17.2 juta bayaran faedah SIP yang melibatkan sebanyak 28,550 tuntutan faedah telah dibuat. Manakala bagi tahun 2019, sebanyak 66,650 tuntutan faedah melibatkan bayaran sebanyak RM107.6 juta. Pada tahun ini sehingga 26 Jun 2020, sebanyak RM107.8 juta bayaran faedah SIP telah dibuat iaitu melibatkan sebanyak 66,204 tuntutan faedah.

BANTUAN KEPADA PEKERJA YANG KEHILANGAN PEKERJAAN

6. Untuk Makluman Dewan Yang Mulia ini, selain daripada inisiatif-inisiatif Kerajaan di bawah **PRIHATIN dan PENJANA** untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan akibat dari wabak COVID-19, Kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang bertujuan untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan.

7. Di bawah SIP, pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan akan diberi bantuan kewangan segera untuk menampung perbelanjaan semasa dan juga bantuan pencarian pekerjaan baru. Jika syarat-syarat kelayakan dan caruman sebanyak 12 bulan dipenuhi, pekerja adalah layak untuk menuntut faedah penuh SIP seperti berikut:

i. Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)

Menyediakan elaun mencari pekerjaan bagi tempoh 3 - 6 bulan tertakluk kepada syarat kelayakan caruman. Jumlah Elaun Mencari Pekerjaan yang dibayar adalah bergantung kepada peratusan purata bulanan anggapan iaitu 80% pada bulan pertama, 50% pada bulan kedua, 40% pada bulan ketiga dan keempat manakala 30% pada bulan kelima dan keenam. Walau bagaimanapun pekerja mestilah mampu dan bersedia untuk bekerja serta mencari pekerjaan secara aktif.

ii. Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA)

Menyediakan elaun bekerja semula awal sebagai insentif bagi menggalakkan OB untuk kembali bekerja dengan segera.

iii. Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB)

Elaun ini disediakan kepada OB yang bekerja dengan lebih daripada satu majikan dan telah kehilangan pekerjaan. Walau bagaimanapun

SOALAN NO : 52

OB yang menerima faedah ini tidak layak mendapat Elaun dan Fi Latihan.

iv. Elaun Latihan

Dibayar kepada OB di antara RM10 hingga RM20 sehari selama 6 bulan (maksimum).

v. Fi Latihan (Dibayar kepada Penyedia Latihan)

Tempoh latihan selama 6 bulan dan dibayar kepada penyedia perkhidmatan (*service provider*) yang berdaftar dengan jumlah maksimum sebanyak RM4,000.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN]

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini pembinaan Empangan Air Gudang Empat Tawau yang sangat diperlukan oleh seluruh penduduk Tawau dan Kalabakan yang selalu menghadapi krisis bekalan air di musim kemarau dan banjir besar di beberapa kawasan penempatan besar seperti Kg Pasir Putih, Kg Tanjung Batu dan sekitarnya apabila berlaku hujan yang lebat dan berpanjangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pembinaan Empangan Gudang Empat Tawau yang dimaksudkan adalah Projek Skim Bekalan Air Tawau Fasa III: Rekabentuk dan Pembinaan Empangan Air di Tawau. Projek ini telah bermula pada 26 Disember 2017 dan dijadual siap pada 26 Disember 2021.
2. Akibat dari pertukaran Kerajaan Negeri pada Mei 2018, projek ini telah tertangguh dengan kemajuan di tapak pada ketika itu adalah sebanyak 4.20% berbanding jadual 8.60%. Namun, kontrak projek ini telah dirunding semula dengan kontraktor sedia ada pada suku pertama 2019 dan persetujuan telah dicapai pada hujung tahun lepas untuk membolehkan kerja-kerja diteruskan oleh kontraktor yang sama.

NO. SOALAN : 53

3. Walau bagaimanapun, kerja-kerja fizikal tidak dapat dilaksanakan disebabkan isu tanah yang belum selesai dan juga Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
4. Kerja-kerja tanah telah dimulakan semula oleh kontraktor yang dilantik, selepas berakhirnya PKP pada 18 Mac 2020 dan kerja di tapak telah bermula 27 Mei 2020. Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam tempoh empat tahun iaitu pada suku kedua 2024.
5. Empangan ini akan dapat mengatasi masalah krisis bekalan air dan banjir apabila ia siap kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD
TAHIR**
KAWASAN : TEMERLOH
TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 54

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek menaik taraf Jambatan Sultan Haji Ahmad Shah di daerah Temerloh akan bermula kerana ianya telah ditender pada bulan November 2019. Hal ini penting kerana di Temerloh sedang berlaku penambahan kenderaan dan status jalan dan jambatan yang masih tidak dinaik taraf, menyebabkan kesesakan sering berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Menaiktaraf Jambatan Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh, Pahang telah diluluskan semasa *Rolling Plan* 3, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Projek ini melibatkan pembinaan jambatan baharu bersebelahan jambatan sedia ada sepanjang 685 meter dan 11.5 meter lebar melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM146,375,400. Projek ini dalam proses untuk memuktamadkan pelantikan kontraktor dan dijangka akan mula pembinaan pada Ogos 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Projek Bekalan Air Luar Bandar yang telah dibatalkan/ditangguhkan pelaksanaan di Sarawak oleh Kerajaan sebelum ini akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian di bawah Kerajaan sekarang. Nyatakan projek BELB dan BALB berkenaan yang dibatalkan/ditangguhkan di kawasan Baram yang akan diberi peruntukan oleh Kerajaan sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Projek RMK-11 tiada Projek Bekalan Air Luar Bandar yang telah dibatalkan/ditangguhkan pelaksanaan di Sarawak oleh Kerajaan sebelum ini.

Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Baram yang masih dalam pelaksanaan / siap adalah seperti Jadual dibawah:

Bil	Projek	Kos Projek (RM)	Status Projek	Jangka Siap
1	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Marudi Bahagian Miri, Sarawak	40 juta	50% siap	29 September 2020
2	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Long Laput Bahagian Miri, Sarawak	12 juta	Peringkat Rekabentuk	Tidak berkaitan-masih dalam peringkat rekabentuk
3	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Long Lama Bahagian Miri, Sarawak	50 juta	Peringkat Rekabentuk	Tidak berkaitan-masih dalam peringkat rekabentuk
4	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Beluru, Bahagian Miri, Sarawak	69 juta	Siap 100 %	CPC: 28.01.2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja yang menikmati subsidi Program Pengekalan Pekerja (ERP) serta bilangan aduan dan tindakan dikenakan terhadap majikan yang mengingkari terma dan syarat ERP untuk tidak membuat potongan gaji. Apakah cadangan Kementerian untuk membantu pekerja-pekerja di sektor informal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli dewan yang mulia, sehingga 30 Jun 2020, seramai 322 ribu orang pekerja yang diberikan notis Cuti Tanpa Gaji telah mendapat manfaat dari Program Pengekalan Pekerjaan (ERP). Dana Kerajaan yang diperuntukan telah selesai diagihkan kepada pekerja yang terlibat di bawah Program ini.

2. Sejumlah 87 kes aduan direkodkan di bawah ERP terhadap majikan yang mengingkari terma dan syarat ERP dan tindakan susulan telah diambil terhadap majikan iaitu menyenaraihitamkan majikan, permohonan baru dihentikan dan siasatan sedang dijalankan bagi mengesahkan aduan dan laporan Polis ke atas majikan.

3. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk memanfaatkan *gig economy* dan dalam masa yang sama kepentingan pengguna dan pekerja kekal terjamin. Antara inisiatif tersebut ialah:

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Khas dianggotai oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Jawatankuasa ini akan merangka penyelesaian jangka panjang terhadap isu-isu berkaitan *gig economy* di negara ini.
- (ii) Menjalankan kajian terperinci dari segi takrifan perundangan berhubung terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan dalam industri kategori *gig economy* selaras dengan perubahan tren ekonomi di bawah perkembangan *Industry 4.0*.

4. Antara inisiatif yang telah diambil, Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO telah menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja *digital platform workers* menerusi Akta Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 yang mana telah

diperluaskan kepada 19 sektor informal lain yang juga merangkumi perkhidmatan *digital platform*.

5. Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini akan memberikan perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan, jika kemalangan berlaku semasa bekerja atau penyakit yang terbit berkaitan pekerjaannya. Kadar caruman yang ditetapkan adalah sebanyak 1.25% daripada pendapatan yang diinsuranskan atau berdasarkan 4 opsyen pilihan caruman yang ditetapkan. Di bawah Skim Bencana Pekerjaan, PERKESO menyediakan Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, Kemudahan Pinjaman Pendidikan dan Kemudahan Pemulihan Jasmani, Vokasional dan *Program Return To Work (RTW)*.

6. Pada 5 Jun 2020, Kerajaan telah mengumumkan Program PenjanaGig melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi memberi perlindungan keselamatan sosial dan kebajikan golongan Orang Bekerja Sendiri yang melibatkan aktiviti pekerjaan ekonomi gig.

7. Bantuan Kerajaan berbentuk sumbangan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri PERKESO di bawah pelan 2 iaitu pelan RM232.80 untuk tempoh perlindungan sekurang-kurangnya setahun. Caruman akan dibayar melalui sumbangan kerajaan sebanyak 70% manakala baki 30% adalah daripada sumbangan caruman oleh platform penyedia perkhidmatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan KBS dalam memperkukuhkan platform pelaksanaan program Felo Perdana sebagai program '*executive internship*' yang memberikan jaminan peluang pekerjaan selaras dengan #MalaysiaKerja khususnya dalam tempoh pasca pandemik COVID-19 yang menyaksikan kehilangan pekerjaan dalam kalangan belia dan anak muda.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Program Felo Perdana dilaksanakan untuk melatih belia yang berpotensi dengan kemahiran kepimpinan menerusi penempatan secara langsung bersama Ahli-Ahli Jemaah Menteri. Sejak diperkenalkan pada tahun 2013 sehingga tahun 2019, seramai 533 orang felo yang terdiri daripada graduan dan siswazah dari universiti dalam dan luar negara telah menyertai program ini.

2. Bagi tahun 2020, pelaksanaan program Felo Perdana bermula dengan penempatan pada 8 Julai 2020. Selain bertugas sebagai *executive intern*, felo juga memperoleh pengalaman membentangkan cadangan kertas polisi (*policy paper*) berkaitan dengan kementerian masing-masing. Kertas polisi ini boleh digunakan oleh Kerajaan sebagai salah satu input dalam merangka inisiatif-inisiatif baru di peringkat kementerian.

3. Pelaksanaan program Felo Perdana diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan program Felo Korporat yang melibatkan penempatan mentor bersama Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat korporat. Program Felo Korporat mula dilaksanakan pada tahun 2019 dengan penglibatan 19 buah syarikat dan 30 peserta felo korporat. Pelaksanaan Felo Korporat bagi tahun 2020 sedang dalam pertimbangan Kementerian dan akan diumumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI B. ABDUL HAMID
(KAPAR)**

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen untuk membina bangunan Ibu Pejabat Polis Klang Utara yang baru dan penambahbaikan balai polis sedia ada supaya dapat memudahkan pentadbiran yang menjamin keselamatan dan kesejahteraan penduduk serta memberikan ruang yang selesa bagi anggota polis bertugas di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan projek pembangunan semula Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) Tahun 2019, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos projek sebanyak RM 150 juta.

Projek ini akan dilaksanakan dalam dua (2) fasa melibatkan kerja-kerja tanah dan rawatan tanah bagi fasa 1 dan kerja-kerja bangunan bagi fasa 2. Berdasarkan perancangan, projek ini dijangka tender pada bulan Ogos 2020 tertakluk segala perancangan dan perolehan berjalan lancar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan krisis COVID-19 sejak bulan Mac 2020. Adakah Kementerian menyediakan apa-apa bantuan untuk mereka yang tiada pekerjaan atau dipotong gaji.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO sentiasa memantau keadaan pemberhentian pekerja negara. Berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berhubung dengan kes kehilangan pekerjaan adalah seperti berikut:

Statistik Kehilangan Pekerjaan (*Loss of Employment-LOE*)

Tahun	Kehilangan Pekerjaan (<i>Loss of Employment-LOE</i>)
2018	23,697

2019	40,084
2020	50,825 (sehingga 1 Julai 2020)

Sektor-Sektor Yang Terlibat Pemberhentian Pekerja

2. Jumlah rakyat Malaysia yang hilang pekerjaan akibat dari pandemik COVID-19 setakat 1 Julai 2020 adalah sebanyak 50,825 orang. Pecahan mengikut sektor-sektor pekerjaan yang terlibat adalah seperti berikut:

- Sektor Pembuatan sebanyak 11,432 atau 23%.
- Sektor Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman sebanyak 7,497 atau 15%.
- Sektor Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak 7,129 atau 14%.
- Aktiviti Profesional, Sainifik dan Teknikal sebanyak 4,546 atau 9%.

Insurans Pekerjaan (SIP)

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, statistik jumlah pekerja mencarum di bawah Sistem Insurans Pekerjaan pada tahun 2018, 2019 dan 2020 adalah seperti berikut;

Tahun	Pekerja Mencarum
2018	6.1 juta
2019	6.9 juta
2020	6.4 juta (Sehingga Mei 2020)

4. Manakala jumlah kutipan caruman di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) pada tahun 2018 berjumlah RM560.8 juta dan RM651.6 juta pada tahun 2019. Sehingga April 2020, sejumlah RM 225.4 juta telah diterima.

5. Berhubung tuntutan dan bayaran faedah SIP pada tahun 2018 sebanyak RM17.2 juta bayaran faedah SIP yang melibatkan sebanyak 28,550 tuntutan faedah telah dibuat. Manakala bagi tahun 2019, sebanyak 66,650 tuntutan faedah melibatkan bayaran sebanyak RM107.6 juta. Pada tahun ini sehingga 26 Jun 2020, sebanyak RM107.8 juta bayaran faedah SIP telah dibuat iaitu melibatkan sebanyak 66,204 tuntutan faedah.

BANTUAN KEPADA PEKERJA YANG KEHILANGAN PEKERJAAN

6. Selain daripada inisiatif-inisiatif Kerajaan di bawah **PRIHATIN dan PENJANA** untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan akibat dari wabak COVID-19, Kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang bertujuan untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan.

7. Di bawah SIP, pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan akan diberi bantuan kewangan segera untuk menampung perbelanjaan semasa dan juga bantuan pencarian pekerjaan baru. Jika syarat-syarat kelayakan dan caruman sebanyak 12 bulan dipenuhi, pekerja adalah layak untuk menuntut faedah penuh SIP seperti berikut:

i. Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)

Menyediakan elaun mencari pekerjaan bagi tempoh 3 - 6 bulan tertakluk kepada syarat kelayakan caruman. Jumlah Elaun Mencari Pekerjaan yang dibayar adalah bergantung kepada peratusan purata bulanan anggapan iaitu 80% pada bulan pertama, 50% pada bulan kedua, 40% pada bulan ketiga dan keempat manakala 30% pada bulan kelima dan keenam. Walau bagaimanapun pekerja mestilah mampu dan bersedia untuk bekerja serta mencari pekerjaan secara aktif.

ii. Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA)

Menyediakan elaun bekerja semula awal sebagai insentif bagi menggalakkan OB untuk kembali bekerja dengan segera.

iii. Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB)

Elaun ini disediakan kepada OB yang bekerja dengan lebih daripada satu majikan dan telah kehilangan pekerjaan. Walau bagaimanapun OB yang menerima faedah ini tidak layak mendapat Elaun dan Fi Latihan.

iv. Elaun Latihan

Dibayar kepada OB diantara RM10 hingga RM20 sehari selama 6 bulan (maksimum).

v. Fi Latihan (Dibayar kepada Penyedia Latihan)

Tempoh latihan selama 6 bulan dan dibayar kepada penyedia perkhidmatan (*service provider*) yang berdaftar dengan jumlah maksimum sebanyak RM4,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN)

TARIKH : 14 JULAI 2020

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membanteras isu penyalahgunaan dan memperdagangkan dadah sintetik yang semakin berleluasa di negara kita, terutamanya di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri amat memandang serius isu penyalahgunaan dan pengedaran dadah di negara kita. Usaha-usaha yang dilaksanakan merangkumi pelaksanaan program pendidikan pencegahan dadah, program rawatan dan pemulihan dadah dan tindakan penguatkuasaan terhadap penagih dan pengedar dadah. Di negeri Sabah, tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Program pendidikan pencegahan dadah dilaksanakan dengan tujuan memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada semua golongan masyarakat agar tidak terjebak dalam penyalahgunaan dadah. Kumpulan sasar program pencegahan ini terdiri daripada institusi pendidikan, tempat kerja dan komuniti. Dari tahun 2019 sehingga Jun 2020, sebanyak 743 program telah dilaksanakan di Sabah, iaitu:
 - a. 12 program Institusi Keluarga;
 - b. 175 program Institusi Pendidikan termasuk Program Intelek Asuhan Rohani, Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) dan *Tomorrow's Leaders*;
 - c. 41 program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD);
 - d. 114 program bersama komuniti; dan
 - e. 401 ceramah antidadah.
- ii. Program Rawatan dan Pemulihan juga dilaksanakan dengan memberi fokus terhadap pengekalan kepulihan seseorang penagih dadah dan pengamalan gaya hidup yang berkualiti. Pengawasan secara berterusan ini penting untuk menangani masalah penagihan semula (*relapse prevention*). Dalam hal ini, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan di dalam komuniti yang boleh diperolehi di 9 Pejabat AADK Daerah dan 4 Pusat Khidmat AADK di Sabah. Fasiliti-fasiliti ini menyediakan program rawatan dan pemulihan dengan penerapan elemen biopsiko-sosial spiritual dan melaksanakan latihan kerjaya serta peluang penempatan pekerjaan yang bersesuaian.

NO. SOALAN : 60

- iii. Dari aspek penguatkuasaan terhadap penagih dadah, sebanyak 299 Ops Cegah AADK telah dilaksanakan pada tahun 2019 sehingga Jun 2020. Ops Cegah ini bertujuan mengesan penyalahguna dadah yang ingkar untuk mendapatkan rawatan. Selain itu, sebanyak 64 Ops Bersepadu, iaitu operasi pengesanan dan penahanan penagih dadah yang diadakan secara bersama di antara AADK, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Imigresen Malaysia telah diadakan. Daripada Ops ini, sebanyak 1,874 orang telah disahkan positif dadah hasil daripada ujian saringan awal yang dijalankan.

- iv. Bagi membanteras pengedaran dadah, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM telah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan untuk mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui tindakan undang-undang di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Mengikut statistik PDRM, jumlah tangkapan di negeri Sabah yang melibatkan dadah sintetik bagi tahun 2019 sehingga Jun 2020 adalah sebanyak 6,544 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN [PONTIAN]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan 10 perancangan utama untuk mengatasi pengangguran di kalangan belia dan setakat manakah kejayaannya. Berapakah data terkini mengikut negeri pengangguran belia dan apakah sebab utama ia berlaku selain isu COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kadar pengangguran di Malaysia adalah di paras 3.9 peratus atau sekitar 610,000 orang pada bulan Mac 2020. Mengikut unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia pada 14 Mei 2020, kadar pengangguran dijangka akan meningkat kepada 5.5 peratus atau lebih 860,000 orang penganggur untuk keseluruhan tahun 2020. Dengan mengambil kira situasi yang mencabar ini, ekonomi Malaysia dijangka menguncup pada suku kedua tahun ini berikutan usaha pembendungan penularan wabak COVID-19 yang masih dijalankan di peringkat global dan dalam negara.

2. Kajian Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2016 mengenai “Pengangguran Belia di Malaysia: Perkembangan dan Pertimbangan Dasar” yang telah mendedahkan kadar pengangguran belia adalah kira-kira 3 kali kadar pengangguran orang dewasa dan lebih 2 kali kadar pengangguran global.

3. Justeru itu, untuk menangani situasi semasa ekonomi dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat, Kerajaan telah memperkenalkan pakej-pakej rangsangan ekonomi, termasuk Pakej PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan berjumlah RM260 bilion seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.

4. Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah memulakan Inisiatif Kolaborasi Rentas Kementerian bagi menjalinkan sinergi dan koordinasi berkaitan belia yang boleh dilaksanakan secara bersama berdasarkan fungsi dan keupayaan setiap pelaksana. KBS dengan kerjasama pelbagai Kementerian seperti Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah membangunkan inisiatif-inisiatif yang dapat menangani isu pengangguran belia khususnya akibat pandemik COVID-19.

5. Antara inisiatif yang telah dirangka untuk mengatasi pengangguran di kalangan belia seperti berikut:

- (i) KBS akan menerajui pembangunan *Single Landing Page (one-stop center)* yang dinamakan Sistem MyBelia. Sistem ini menyediakan maklumat bersepadu (*integrated system*) berkaitan inisiatif-inisiatif yang telah disediakan oleh Kerajaan dan bukan Kerajaan untuk dimanfaatkan oleh belia merangkumi: peluang pekerjaan; penciptaan pekerjaan; latihan dan kemahiran; serta dana dan kemudahan yang ditawarkan/dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan atau bukan Kerajaan.

- (ii) Program myGIG bertujuan meningkatkan keterlibatan belia dalam ekonomi gig sebagai pekerjaan untuk menjana pendapatan sama ada secara sambilan atau kekal sekali gus membantu belia yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Program myGIG terdiri daripada:
 - a) myGIG Servis yang dilaksanakan oleh KBS dengan sokongan rakan strategik iaitu Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Majlis Belia Malaysia (MBM). Program ini membuka peluang pendapatan secara digital melalui Ekonomi Gig atau Ekonomi Perkongsian menerusi platform eRezeki. Program ini dijangka akan memberi manfaat kepada 1,000 orang; dan

 - b) myGIG *Digital Freelance* memperkenalkan peluang pekerjaan baharu secara digital dengan kemahiran tertentu seperti *programming*, pereka grafik dan lain-lain perkhidmatan yang berkemahiran menerusi platform Global Online Workforce (GLOW). Program ini dijangka akan memberi manfaat kepada 200 orang.

- (iii) Selain dari itu, KBS akan turut melaksanakan Kolaborasi Rentas Kementerian bersama Kementerian Sumber Manusia dalam pelbagai sektor yang membuka sehingga 5,000 peluang pekerjaan kepada belia. Inisiatif *place-and-train* yang diperkenalkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) ini akan turut memberi peluang latihan *upskilling* kepada belia yang terlibat melalui peranan Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di bawah KBS.
- (iv) KBS turut memperkasakan belia melalui kursus-kursus instruktur kecergasan dan rekreasi di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah terutamanya mereka yang berminat dalam kerjaya bidang sukan. Instruktur-instruktur terlatih ini dapat menjana pendapatan melalui pelaksanaan aktiviti sukan pada waktu pagi dan petang termasuk pada hari hujung minggu di kawasan rekreasi Pihak Berkuasa Tempatan, taman rekreasi, pejabat dan agensi kerajaan serta kawasan tumpuan ramai. Ketika arahan Perintah Kawalan Pergerakan bermula, instruktur kecergasan dan jurulatih kecergasan ini digesa menggunakan platform atas talian bagi mendapatkan pendapatan sampingan dalam membiasakan norma baharu ini. Sehingga kini, Kementerian telah menganjurkan Kursus Instruktur Kecergasan Senamrobik, Gimnasium dan Kursus Rekreasi Luar di seluruh negara dengan penyertaan sebanyak 1,655 orang.

Sekian terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** memberi penjelasan berkenaan masalah masyarakat Orang Asli di kawasan Perkampungan Orang Asli Pos Betau dan Pos Pantos di dalam daerah Kuala Lipis serta di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan yang menghadapi masalah ekonomi iaitu pendapatan bulanan bagi tanaman kelapa sawit dan getah mereka mempunyai purata berpendapatan yang mana sebelum ini mereka memperoleh dividen bulanan sebanyak RM500 ke RM600 sebulan dan kini hanya memperoleh sebanyak kurang dari RM200.00 sebulan. Apakah jalan penyelesaian Kementerian bagi membantu meningkatkan pendapatan bulanan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, ladang di Pos Betau dan ladang kelapa sawit di Kuala Betis diuruskan di kalangan majoriti peserta sendiri dan tidak melibatkan pemberian dividen oleh JAKOA. Namun begitu, pendapatan peserta ladang yang sebelum ini agak baik telah merosot adalah berikutan kejatuhan harga komoditi yang ketara mulai tahun 2018.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa program ekonomi lain di bawah JAKOA yang turut mensasarkan peningkatan pendapatan masyarakat Orang Asli iaitu melalui pemberian Bantuan Input pertanian dengan nilai bantuan maksimum RM3,000 dan pemberian bantuan pertanian di bawah Projek *Handsholding* dengan nilai bantuan maksimum RM10,000.

Melalui dua (2) program ini, masyarakat Orang Asli boleh membuat permohonan kepada JAKOA untuk mewujudkan peluang ekonomi di perkampungan mereka melalui projek pertanian atau ternakan bagi meningkatkan pendapatan bulanan mereka. JAKOA juga akan memantau dan memberi kursus berkaitan bagi membantu masyarakat Orang Asli dalam projek pertanian yang dibangunkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan polisi, strategi dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani kemungkinan sekurang-kurangnya 2 juta lagi rakyat akan kehilangan pekerjaan akibat wabak COVID-19 seperti yang dinyatakan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wabak COVID-19 yang melanda Malaysia telah menjejaskan pasaran pekerjaan disebabkan pemberhentian sementara operasi hampir keseluruhan sektor perniagaan bermula 18 Mac 2020 apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan oleh Kerajaan. Berdasarkan Laporan Kehilangan Pekerjaan yang dilaporkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), terdapat seramai 49,185 orang pekerja telah kehilangan pekerjaan bagi tempoh Januari hingga 28 Jun 2020. Bilangan ini merujuk kepada pekerja yang melaporkan kehilangan pekerjaan kepada PERKESO bagi tujuan tuntutan manfaat Skim Insurans Pekerjaan (SIP).

2. Berdasarkan rekod ini, ia jelas menunjukkan kadar kehilangan pekerjaan disebabkan wabak COVID-19 ini adalah jauh lebih rendah berbanding jangkaan yang dikeluarkan oleh pelbagai pihak. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa proaktif dalam mengawal situasi ini bagi memastikan kebajikan pekerja dan majikan adalah terjaga bagi mengelakkan berlakunya situasi pemberhentian pekerja secara besar-besaran.

3. Dalam situasi pekerjaan semasa, pengetahuan mengenai hak-hak dan perlindungan yang diberikan di bawah undang-undang buruh dan keselamatan sosial amatlah penting. Oleh itu, warga pekerja dan majikan dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat atau maklumat secara terus daripada Jabatan atau agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia dari semasa ke semasa

4. Selain itu, Kementerian juga menggalakkan majikan atau pekerja untuk menyertai program-program dan memohon bantuan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah disediakan oleh Kerajaan seperti Program Subsidi Upah (PSU) dan Program Pengekalan Pekerjaan (ERP).

5. PSU merupakan bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah, di mana kadar PSU adalah mengikut jumlah tenaga kerja setiap perusahaan. Tujuannya adalah untuk membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat wabak COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat dan mengelakkan pekerja diberhentikan kerja dan seterusnya hilang punca pendapatan.

6. Sementara itu, Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada 16 Mac 2020 menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi adalah bertujuan bagi mengurangkan beban kewangan majikan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Bantuan kewangan sebanyak RM600 sebulan akan dibayar kepada pekerja melalui majikan masing-masing untuk membantu pekerja yang bersetuju menerima notis cuti tanpa gaji.